



## Yang Di-Pertua MMN menerima kunjungan hormat

Siaran Akhbar dan Foto :  
 Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 Julai. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib telah menerima dua kunjungan hormat secara berasingan bertempat di Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Kunjungan hormat pertama adalah daripada Naib Presiden dan Pengerusi Shell Negara bagi Brunei Darussalam, Mr. Henry Bristol.

>> Muka 2



**YANG** Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menerima kunjungan hormat daripada Naib Presiden dan Pengerusi Shell Negara bagi Brunei Darussalam, Mr. Henry Bristol.

## MEMPERKUKUH KESIAPSIAGAAN NEGARA TERHADAP ANCAMAN KESELAMATAN MARITIM

Oleh : Aimi Sani

**KOTA BATU**, Khamis, 24 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hari ini mencatatkan satu lagi langkah bersejarah dalam usaha memperkukuhkan keselamatan perairan negara melalui Majlis Pentauliahan bagi Bot Pemintas Baharu, Interceptor Class

Boat (ICB), yang disempurnakan di Mangrove Paradise Resort, Jalan Kota Batu.

Majlis telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku

tetamu kehormat.

Perolehan ICB ini merupakan satu pencapaian strategik di bawah Pelan Operasi Maritim PPDB, selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 ke arah membentuk sebuah negara yang selamat, berdaya tahan dan makmur.

>> Muka 3

## NBD kini mengalami keadaan cuaca lebih kering

Siaran Akhbar :  
 Jabatan Kajicuaa  
 Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini masih berada di dalam monsun Barat Daya.

Pembentukan ribut tropika yang aktif di rantau Lautan Pasifik Barat dijangka berlaku pada minggu ini. Keadaan ini akan mengakibatkan kelembapan atmosfera tertumpu ke arah wilayah Timur dan Utara Benua Maritim berdekatan dengan kawasan sistem-sistem tersebut.

>> Muka 12

## Pelaburan sosial lahirkan generasi muda berilmu, berakhlak

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**TEMBURONG**, Rabu, 23 Julai. - Program Jati Diri (PJD) merupakan satu inisiatif yang memberi peluang kepada para belia untuk meningkatkan kemahiran, di samping membentuk aspek-aspek keperibadian yang amat diperlukan seperti daya ketahanan, disiplin, kekuatan mental dan sifat kepimpinan.

Dalam hubungan ini, memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022 :

"Kita wajib memiliki jati diri kerana tanpanya, kita akan mudah terpesong dari landasan, atau dengan kata lain, kita tidak akan dapat menjadi rakyat yang baik lagi berguna. Dengan jati diri juga kita akan tahu siapa kita, ke mana hendak pergi dan untuk apa. Ini adalah penting kerana masa depan negara bergantung kepada rakyatnya".

>> Muka 7



## Berita Utama



Muka 9



Muka 11



Muka 18



Muka 20

# YANG DI-PERTUA MMN MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

## >> Muka 1

Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pihak menyentuh mengenai hubungan strategik dan kerjasama berterusan antara Shell dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam menyokong pembangunan ekonomi negara khususnya dalam sektor tenaga.

Kedua-dua pihak turut bertukar - tukar pandangan mengenai kepentingan penyediaan peluang pekerjaan kepada generasi muda, pemanfaatan teknologi moden termasuk Kecerdasan Buatan (AI) serta usaha NBD ke arah kepelbagaian ekonomi, selaras dengan matlamat

pembangunan negara dan Wawasan Brunei 2035.

Seterusnya, Yang Di-Pertua MMN turut menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke NBD, Tuan Yang Terutama Chey Ratha.

Dalam pertemuan tersebut, perbincangan tertumpu kepada hubungan erat antara NBD dan Kemboja, termasuk bidang kerjasama antara legislatif kedua-dua negara.

Kedua-dua pihak turut membincangkan isu - isu yang menjadi keprihatinan bersama serta peluang bagi meneroka kerjasama dalam meningkatkan kesalinghubungan

(connectivity), hubungan antara rakyat, ekopelancongan (ecotourism), dan perdagangan produk halal.

Turut hadir semasa

kunjungan-kunjungan hormat tersebut ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Diraja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan

Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara semasa menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Chey Ratha.

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia**  
Sila muat turun

**PenggunaBijak**



| WAKTU SEMBAHYANG |        |              |       |       |        |      |       |      |         |       |
|------------------|--------|--------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| JULAI MASHI      | HARI   | SAFAR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 26               | SABTU  | 1            | 4.44  | 4.54  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.50 | 6.37    | 7.51  |
| 27               | AHAD   | 2            | 4.44  | 4.54  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.50 | 6.37    | 7.51  |
| 28               | ISNIN  | 3            | 4.44  | 4.54  | 6.17   | 6.40 | 12.28 | 3.50 | 6.37    | 7.51  |
| 29               | SELASA | 4            | 4.45  | 4.55  | 6.17   | 6.40 | 12.28 | 3.49 | 6.37    | 7.50  |
| 30               | RABU   | 5            | 4.45  | 4.55  | 6.17   | 6.40 | 12.28 | 3.49 | 6.37    | 7.50  |
| 31               | KHAMIS | 6            | 4.45  | 4.55  | 6.17   | 6.40 | 12.28 | 3.49 | 6.37    | 7.50  |
| 1 OGOS           | JUMAAT | 7            | 4.45  | 4.55  | 6.17   | 6.40 | 12.28 | 3.48 | 6.37    | 7.50  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI |                |                |  |
|----------------------|----------------|----------------|--|
| SABTU                | AHAD           | ISNIN          |  |
| Bandar Seri Begawan  |                |                |  |
| 34<br>26<br>°C       | 34<br>26<br>°C | 34<br>25<br>°C |  |
| Pekan Bangar         |                |                |  |
| 34<br>26<br>°C       | 34<br>26<br>°C | 34<br>26<br>°C |  |
| Pekan Tutong         |                |                |  |
| 34<br>26<br>°C       | 34<br>26<br>°C | 34<br>26<br>°C |  |
| Kuala Belait         |                |                |  |
| 34<br>26<br>°C       | 34<br>26<br>°C | 35<br>26<br>°C |  |

Wallahuallah Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

26 JULAI 2025

### Penting menjaga adab di media sosial

Dalam dunia digital masa kini, platform media sosial telah menjadi alat yang berkuasa untuk berkomunikasi, mengekspresikan diri dan berkongsi maklumat. Walaupun platform ini membawa banyak manfaat, kita perlu ingat untuk menggunakannya dengan tanggungjawab - terutamanya dalam cara kita berinteraksi dengan pengguna lain seperti apabila memberi komen atau maklum balas kepada apa-apa perkongsian dalam talian. Bertanggungjawab dalam berinteraksi walaupun secara maya bukan sahaja mencerminkan kewarganegaraan digital yang baik, tetapi juga mencerminkan nilai dan keperibadian kita.

Kita tahu kata-kata mempunyai kuasa, dan ini amat benar di alam maya di mana nada suara boleh disalah tafsir dan komen yang dibuat kekal untuk selama-lamanya. Satu komen yang cuai boleh menyebabkan salah faham, melukakan perasaan, atau mencetuskan kejadian buli siber. Oleh itu adalah penting untuk kita berfikir dan menilai balik apa-apa mesej yang ingin disampaikan sebelum kita mengongsikannya dan juga untuk saling menghormati ketika berinteraksi bersama pengguna media sosial lain. Adalah penting untuk kita membantu mewujudkan persekitaran dalam talian yang lebih selamat dan positif untuk semua. Kita juga perlu ingat bahawa di sebalik setiap hantaran atau gambar, ada individu sebenar yang mempunyai perasaan dan pengalaman yang mungkin kita tidak fahami sepenuhnya.

Selain itu, kita harus sedar bahawa kata-kata kita boleh memberi kesan kepada kesihatan mental orang lain. Kritikan yang kasar, ejekan, ucapan kebencian atau gurauan sinis boleh menjejaskan keyakinan diri seseorang. Memilih untuk berlembut dan bersikap empati, walaupun ketika tidak bersetuju, menunjukkan kematangan dan keprihatinan. Menjadi pengguna media sosial bertanggungjawab juga bermakna kita mengelak daripada menyebarkan maklumat palsu atau khabar angin. Di media sosial senang sekali maklumat diperbesarkan dan dikongsikan dengan cepat, terutamanya apabila orang berkongsi atau memberi komen tanpa menyemak fakta. Dengan mengambil sedikit masa untuk menyelidik atau berfikir sebelum bertindak, kita menyumbang kepada ruang dalam talian yang lebih bijak dan selamat.

Kita perlu sedar jejak digital kita tidak mudah di padam. Apa yang kita komen dan kongsi akan mencerminkan diri kita, sekarang dan pada masa hadapan. Bertanggungjawab dalam media sosial melindungi reputasi kita dan membina kepercayaan. Kesimpulannya, bertanggungjawab dalam berinteraksi dalam talian bukan sekadar mematuhi peraturan-ia adalah tentang menunjukkan rasa hormat, empati dan integriti. Sedikit keprihatinan mampu menjadikan dunia dalam talian lebih baik untuk semua. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Memperkukuh kesiapsiagaan negara terhadap ancaman keselamatan maritim



Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Pendekatan ini bertujuan memperkukuh keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang maritim negara secara holistik. Menurut Pengarah Jabatan Gerakan, pencapaian ini diharap akan meningkatkan semangat, dedikasi dan profesionalisme anggota Polis Marin (PolMar) dalam menjalankan tugas harian, sekali gus memberi keyakinan kepada rakyat terhadap tahap keselamatan perairan Negara Brunei Darussalam.

Majlis turut diserikan dengan pentauliah bot oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan seterusnya menaiki bot menyusuri Sungai Brunei.

Acara kemudian diteruskan dengan penyerahan rasmi model bot dari Ketua Pegawai Eksekutif Brunei Engineering, Logistics, and Training Solutions (BELTS), Awang Muhammad Noh bin Haji Madali kepada tetamu kehormat, diikuti dengan tayangan video korporat dan demonstrasi *live* operasi bot pemintas.

Sebagai simbol kesiapsiagaan, keberanian dan semangat juang pasukan keselamatan maritim negara, pentauliah ICB ini akan memperkukuhkan lagi peranan PolMar sebagai barisan hadapan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan perairan negara sentiasa terpelihara.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu serta Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad.

Juga hadir, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin dan turut berangkat dan hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris serta pegawai-pegawai kanan dari JPM, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pejabat Peguam Negara, ABDB dan pegawai-pegawai kanan PPDB.

**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pentauliah bagi Bot Pemintas Baharu, Interceptor Class Boat (ICB) dan seterusnya menyempurnakan majlis yang berlangsung di Mangrove Paradise Resort, Jalan Kota Batu (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah, Yang Berhormat semasa menaiki menyusuri Sungai Brunei.



## >> Muka 1

Bot ini bukan sekadar penambahan aset fizikal, malah melambangkan iltizam berterusan kerajaan dalam memperkukuh kesiapsiagaan negara terhadap ancaman keselamatan maritim yang semakin kompleks dan dinamik.

Bot ICB tersebut dilengkapi dengan sistem navigasi dan komunikasi terkini dan direka khas bagi pelaksanaan rondaan berkelajuan tinggi, pemintasan sasaran mencurigakan serta respons pantas terhadap insiden penyeludupan, pencerobohan sempadan dan jenayah rentas sempadan.

Inisiatif ini turut disokong oleh JPM selaku penyelaras dasar keselamatan negara, menerusi pendekatan Whole of Government yang melibatkan kerjasama erat bersama agensi-agensi utama lain seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Biro Kawalan Narkotik (BKN), Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan (PPMK), Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan lain-lain.

## PENGEMASKINIAN ALERT LIST BDCB

### ■ Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 Julai. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB merupakan senarai entiti-entiti (iaitu syarikat dan individu) yang, berdasarkan maklumat yang tersedia kepada BDCB pada masa penerbitan, mungkin atau berkemungkinan telah disalah anggap sebagai dilesenkan atau diberi kebenaran /kelulusan atau dikawalselia oleh BDCB.

Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB terhadap aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa syarikat-syarikat atau individu-individu yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB adalah seperti berikut: a) Fast Privacy Online Loan BN / Privacy Fast Loan Online BN / Loan

Jaya BN / Online Loan Amanah and Trusted; dan b) Online Loan Jaya Trusted BN.

Alert List BDCB yang telah dikemaskinikan boleh didapati di laman sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap syarikat atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsurkan skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah pinjaman wang, penukaran wang dan pengirisan wang.

Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan syarikat atau

individu yang tidak dilesen atau dikawalselia.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn) atau Instagram BDCB [@centralbank.brunei](https://www.instagram.com/centralbank.brunei) untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau e-mel melalui [fci@bdcg.gov.bn](mailto:fci@bdcg.gov.bn).




**ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS**

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

# ABDB RAIKAN 8 SAUDARA BAHARU



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**MUARA**, Jumaat, 25 Julai. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) petang tadi mengadakan majlis meraikan lapan orang saudara-saudari baharu yang telah memeluk agama Islam di antara tahun 2024 hingga 2025.

Majlis berlangsung di Surau Al-Huda, Pangkalan Tentera Laut Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pegawai - pegawai kanan,

pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, warga Kementerian Pertahanan serta keluarga anggota-anggota yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Mu'minun ayat 1 hingga 11 yang dibacakan oleh Pembantu Pengajian Islam & Perkembangan Al-Quran, Pejabat Tarbiyyah Agama, Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), 52977 Lans Koperat Zainul Ariffin bin Haji Haminuddin, disusuli dengan laungan Asmaul Husna, Selawat Tafriyyah, Dikir Marhaban dan

menabur bunga rampai oleh tetamu kehormat majlis dan dari para jemputan yang hadir.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada saudara-saudari baharu yang diraikan.

Bagi memberkati majlis, Doa Khusus dibacakan oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai, sembahyang Fardu Asar berjemaah dan Selawat Qiam.

Acara ini menekankan komitmen ABDB untuk menyokong anggotanya dan menyambut baik perjalanan kerohanian mereka.



**BDMD**  
Brunei Darussalam  
Meteorological  
Department



**PANDU DENGAN PERLAHAN.  
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J  
AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN  
AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

bruneiweather
@brunei.weather
Weather Line 114
www.met.gov.bn



**PEMERINTAH** Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada saudara-saudari baharu yang diraikan (atas kiri dan atas).

## Memperkasa kemahiran perantis ke arah menyumbang pembangunan ekonomi negara



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman



**GADONG**, Khamis 24 Julai. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) pagi tadi mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama rakan-rakan industri bagi mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), khususnya melalui pelaksanaan program perantisan.

Majlis tersebut diadakan di Dewan VIP, Aras 4, Hotel Antarabangsa Rizqun dan telah disaksikan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu.

MoU ini memformalkan kerjasama antara IBTE dan rakan-rakan industri, termasuk yang baharu dan sedia ada, dalam melaksanakan program-program perantisan berikut iaitu Program Perantisan Sistem Dual (HNTec) dalam Penyeyjukan & Penyaman Udara terdiri daripada Syarikat Dyg Hjh Napsiah Sdn. Bhd.; Marsee and Company; HSE Engineering Sdn. Bhd.; AEC Sdn. Bhd.; dan Borneo Air Conditioning and Engineering Sdn. Bhd.

**SETIAUSAHA** Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) (kiri dan bawah kiri).

Program Perantisan Sistem Dual (NTec) dalam Masakan Profesional & Perkhidmatan terdiri daripada Phoenix Star dan The Daun.

Program Perantisan Sistem Dual (NTec) dalam Juruteknik Automotif terdiri daripada Berjaya Sdn. Bhd.

Sementara, Program Perantisan Tahap II dalam Penarafan Dek dan Enjin terdiri dari Petro Laut Sdn. Bhd.; Belait Shipping Co. (B) Sdn. Bhd.; DBX Ship Management Sdn. Bhd.; Novo Sdn. Bhd.; Amarco Services Sdn. Bhd.; SPHI K Subsea B Sdn. Bhd.; Fast Offshore Supply Pte. Ltd.; Jisco Marine Sdn. Bhd.; Hai Duong Petroleum and Marine Corporation (HADUCO); dan SPHI Marine Sdn. Bhd.

Program-program ini direka untuk menyediakan latihan berkualiti tinggi berasaskan pekerjaan yang selaras dengan piawaian industri yang diiktiraf.

Melalui kerjasama ini, IBTE berhasrat untuk memperkasa para perantis dengan pengetahuan, kemahiran, dan kelayakan yang diperlukan bagi meningkatkan kebolehkeraan mereka dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi NBD.

# AKTIVITI KESUKARELAWANAN KEDUTAAN THAILAND DI PUSAT EHSAN



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BENGKURONG**, Khamis, 24 Julai. - Bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand yang Ke-73 tahun, Kedutaan Besar Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) pagi tadi mengadakan aktiviti kesukarelawan yang berlangsung di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Bengkurang, di sini.

Pada majlis berkenaan, Kedutaan Besar Diraja Thailand ke

NBD yang diketuai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai; serta komuniti Thailand di NBD, rakan-rakan Thailand dan pengedar tempatan Brunei mengedarkan juadah istimewa makanan Thailand.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Doa Al-Fatihah oleh

SESI bergambar ramai yang berlangsung di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Bengkurang.

dengan menyumbang ke arah niat murni pusat berkenaan dengan menyumbangkan alat *treadmill* serta peralatan sukan yang lain pada Mei 2019; Penyertaan dalam Bazar Amal Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam pada April 2019 dan Konsert Amal Festival Bakat pada November 2019; Acara Pusat Ehsan Charity Hike 3 Kilometer pada September 2020; Acara Pusat Ehsan Walk, Run, Cycle pada Jun 2021.

Awang Sanif bin Haji Tarip, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengerusi Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Acara turut diserikan dengan persembahan daripada pelajar Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, diikuti dengan sesi bergambar ramai dan penyampaian makanan Thailand, kuih-muih, produk Thailand dan derma kepada pelajar dan kakitangan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Kedutaan dan komuniti Thailand di NBD sebelumnya juga pernah mengadakan majlis seumpamanya

Selain itu, sumbangan tunai untuk menyokong inisiatif organisasi membangunkan surau di kawasan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam juga dilaksanakan pada 3 Jun 2022; serta beberapa aktiviti sukarelawan lain seperti Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Charity Gala Night (30 November 2022); Aktiviti bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand pada 28 Julai 2023; dan Aktiviti bersempena Sambutan Hari Lahir Ke-92 Yang Amat Mulia Seri Paduka Baginda Ratu Sirikit The Queen Mother pada 12 Ogos 2024.

## IHP Jun 2025 menurun 0.6 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik :  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Julai. - Indeks Harga Pengguna (IHP) pada Jun 2025 menunjukkan penurunan sebanyak 0.6 peratus berbanding Jun 2024, didorong oleh penurunan 0.7 peratus bagi indeks makanan dan minuman ringan, dan 0.6 peratus bagi indeks bukan makanan.

Penurunan bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan

harga daging (2.7 peratus), khususnya harga makanan daging yang berproses, dan harga sayur-sayuran (2.1 peratus).

Sementara itu, penurunan bagi indeks bukan makanan adalah didorong oleh penurunan harga pakaian, dan kos perkhidmatan langganan penstriman media dalam talian disebabkan oleh perbezaan pertukaran mata wang asing.

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Jun 2025 menurun secara perlahan sebanyak 0.03 peratus daripada Mei 2025.

Ini adalah didorong oleh penurunan sebanyak 0.2 peratus bagi indeks makanan dan minuman ringan, manakala, indeks bukan makanan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.02 peratus.



Penurunan bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga sayur-sayuran (3.3 peratus) dan daging (0.3 peratus).

Manakala, peningkatan bagi indeks bukan makanan adalah terutamanya didorong oleh pengangkutan (0.9 peratus) dan pelbagai barangan dan perkhidmatan (0.1 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga 2015/2016.

Laporan penuh IHP bagi Jun 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



# Malam Irama Gulintangan membangkitkan rasa cinta budaya, warisan bangsa



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Julai. - Pentas Perayaan sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam Ke-79, Tahun 2025 terus disemarakkan lagi dengan pelbagai acara menarik, termasuk

**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Malam Irama Gulintangan - Fusion dan Temporari yang berlangsung meriah malam tadi di kawasan lapang berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, yang juga Ketua Kampung Putat, Daerah Brunei dan Muara.

Acara yang dianjurkan oleh Kulimpapa Orchestra tersebut

**Oleh :** Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
**Foto :** Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

dimulakan dengan segmen persembahan lagu - lagu tradisional Brunei, membangkitkan rasa cinta akan budaya dan warisan bangsa dalam kalangan penonton.

Seterusnya, suasana semakin rancak dengan segmen lagu-lagu popular Malaysia dan antarabangsa yang mempamerkan kepelbagaian genre muzik serta keupayaan para penggiat seni tempatan menyampaikan irama kontemporari dengan penuh bertenaga.

Antara kemuncak acara ialah persembahan istimewa daripada kumpulan Kulimpapa International yang telah mewakili Negara Brunei

Darussalam di International Music Festival 2025 di Batu Pahat, Johor.

Persembahan mantap mereka mendapat sambutan hangat dan tepukan gemuruh daripada para hadirin.

Bagi menghargai kehadiran dan sokongan yang diberikan, penyampaian cenderamata telah disampaikan kepada tetamu kehormat majlis sebagai simbol penghargaan pihak penganjur.

Majlis diakhiri dengan persembahan lagu finale oleh semua artis terlibat, sekali gus menutup tirai acara dengan penuh meriah dan meninggalkan kenangan manis kepada para penonton yang hadir.



ANTARA persembahan di Malam Irama Gulintangan - Fusion dan Temporari anjuran Kulimpapa Orchestra.

## PERSEMBAHAN BERCORAK KEAGAMAAN SERIKAN PENTAS PERAYAAN

**Oleh :** Rohani Haji Abdul Hamid  
**Foto :** Azmah Haji Ahad, Mohammed Maherman Hanafi Haji Omar



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Julai. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan persembahan pentas perayaan bercorak keagamaan bertempat di pentas perayaan berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Doa Selamat oleh Awang Haji Abd. Razak bin Haji Mohd. Daud.

Persembahan bercorak keagamaan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun ini antara lain bertujuan untuk memupuk kecintaan terhadap agama dan raja, khususnya dalam kalangan generasi muda melalui pendekatan seni Islam seperti nasyid, tausyeh, hadrah, syair dan puisi Islam.

Selain itu, untuk mengimarahkan seni persembahan Islam sebagai wadah dakwah dan pendidikan



**TIMBALAN** Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan isteri semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas). Manakala gambar atas kiri, antara persembahan pada pentas perayaan berkenaan. Sementara gambar bawah kiri, salah seorang peserta semasa menyertai kuiz interaktif.

rohani dalam suasana perayaan ini. Ia juga untuk menggalakkan penyertaan para pelajar dan guru dalam aktiviti bercorak keagamaan yang membina sahsiah serta menyumbang kepada pembangunan modal insan berakhlak mulia.

Antara pengisian persembahan ialah termasuk persembahan nasyid Arab dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah; persembahan nasyid dari Sekolah Ugama Lambak Kanan; persembahan menambang syair dan deklamasi sajak : 'Dirgahayu Raja Payung Mahkota' oleh

gabungan pelajar Sekolah Tinggi Arab Hassan Bolkiah, Sekolah Arab Sultan Haji Hassan Bolkiah dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha; persembahan hadrah dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan diakhiri dengan persembahan tausyeh daripada guru-guru ugama sekolah-sekolah umum.

Orang ramai yang hadir menyaksikan persembahan malam tadi juga berpeluang menyertai kuiz interaktif yang diselang-selikan dengan setiap persembahan.



# PELABURAN SOSIAL LAHIRKAN GENERASI MUDA BERILMU, BERAKHLAK



Bakti Negara (PKBN) hari ini.

Menurut Dayang Hajah Nor Ashikin, petikan titah baginda tersebut menjadi panduan dalam usaha membentuk rakyat yang berdisiplin, bertanggungjawab dan berintegriti tinggi, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

"Justeru, PJD ini merupakan pelaburan sosial yang penting dalam melahirkan generasi muda yang berilmu, berakhlak serta memiliki semangat cintakan agama, bangsa dan negara.

"Dalam dunia yang sentiasa berubah ini, adalah penting untuk memperkasa belia dengan kemahiran yang relevan. Ini kerana belia merupakan aset berharga yang bakal memikul tanggungjawab mewarisi dan memimpin negara, demi menyokong pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan," katanya.

Selain itu, jelasnya, sifat daya ketahanan dan disiplin adalah penting untuk disemai dalam setiap individu. Sifat-sifat ini perlu dipupuk bagi mempersiapkan mereka dalam menghadapi

kegagalan serta terus maju dengan tekad dan semangat yang jitu. Disiplin juga memainkan peranan yang penting kerana bakat dan kemahiran sahaja tidak mencukupi untuk mencapai kejayaan.

"Melalui PJD ini, insyaaAllah nilai-nilai tersebut akan dapat diterapkan bagi melahirkan tenaga kerja yang *employable*, *resilient* dan *market-ready*.

"Matlamat ini hanya dapat dicapai melalui kerjasama dan peranan pihak kerajaan, institusi pendidikan dan pihak industri dalam mengenal pasti kemahiran-kemahiran yang diperlukan serta menyediakan peluang pekerjaan yang bermakna (*meaningful employment*) kepada anak tempatan," ujarnya.

Dayang Hajah Nor Ashikin berkata, semasa tempoh latihan ini, pelbagai ujian ketahanan fizikal, mental, emosi, kerohanian dan cabaran akan diharungi. Oleh itu, doa, sokongan dan dorongan ibu bapa serta penjaga turut menjadi kunci dalam menyuntik semangat dan motivasi kepada

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

para pelatih untuk terus berjuang dengan penat lelah demi mencapai kecemerlangan pada masa hadapan.

Di kesempatan ini, beliau menyarankan kepada para pelajar untuk sentiasa mengamalkan sikap positif, sabar dalam mengatasi cabaran, hadapi dengan minda yang terbuka dan memanfaatkan peluang yang diberikan ini dengan sebaik-baiknya.

Memang tidak dinafikan bahawa dunia pekerjaan kini semakin mencabar dan kompetitif. Namun dengan *berkarih*, *berjarah* dan tawakal, insyaaAllah, beliau yakin para pelajar akan *berlurih* menuai kejayaan dan kecemerlangan dalam apa jua bidang yang diceburi pada masa akan datang.

"Belia adalah harapan dan cerminan masa depan negara. Oleh itu, kecemerlangan bukan sahaja diukur melalui markah atau gred yang tinggi, malah

meliputi budi pekerti, adab, iman, takwa, tanggungjawab kepada masyarakat dan negara serta menjadi insan yang berguna dan penyumbang dalam pembangunan negara.

"Saya yakin bahawa para pelajar akan menjadi pemimpin, pendidik, usahawan dan warga negara yang berperanan besar dalam memacu kejayaan negara *kitani*. Maka tanamkanlah nilai jati diri yang kukuh, semangat perpaduan dan kesediaan untuk berkhidmat dengan ikhlas dan sepenuh hati," tambahnya lagi.

Dayang Hajah Nor Ashikin selanjutnya berharap semoga program ini akan terus berkembang dan mendapat sokongan semua pihak, demi melahirkan generasi muda yang berwibawa, berjiwa rakyat, memberi pengetahuan, pengalaman yang bermanfaat dan bermakna kepada para pelajar serta berjaya mencapai matlamat yang dihasratkan.

**SETIAUSAHA** Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menyampaikan ucapannya.

>> Muka 1

Demikian antara yang dijelaskan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari semasa merasmikan Majlis Pembukaan PJD bagi Kohort Ke-9 yang diadakan di Kem Latihan Program Khidmat

## 47 pelajar IBTE jalani latihan di PKBN



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis pembukaan berkenaan (atas dan kanan).

**TEMBURONG**, Rabu, 23 Julai. - Program Jati Diri (PJD) merupakan sebuah program usaha sama antara Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN).

Bagi Kohort Ke-9 kali ini, seramai 47 pelatih terlibat terdiri daripada pelajar IBTE di bawah Program

iSkill bagi Industrial Skills Qualification (ISQ) dalam jurusan Marking and Fitting, Rigging, Scaffolding serta Blasting and Painting termasuk 11 orang Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Para pelatih akan menjalani latihan selama 90 hari yang telah bermula pada 9 Julai 2025 yang lalu.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Program Jati Diri (PJD) bagi Kohort Ke-9 yang

diadakan di Kem Latihan PKBN disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku tetamu kehormat.

Pengarah PPB, Dayang Hajah Noraini Haji Mohd. Jamudin yang juga selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, program tersebut adalah salah satu komponen mandatori bagi pelajar IBTE yang mengikuti program iSkills dan ISQ dalam sektor tenaga.

Melalui program ini, katanya, para pelatih diharap dapat merapatkan jurang kemahiran dan membentuk *mindset* mereka agar menjadi individu yang lebih *employable* dan *industry-ready* serta menepati keperluan industri.

"Sudah pasti ini akan menjadikan mereka tenaga kerja yang berkualiti tinggi, berkemahiran, berpengetahuan, kreatif serta inovatif sebagaimana yang dimahukan dan dicari oleh para majikan.

"Sejak program ini diperkenalkan, sebanyak lapan kohort telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan seramai 872 pelatih. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan bagi kohort 2 hingga 5 sebelum ini, mengenai keberkesanan PJD, Alhamdulillah, majoriti pelatih menyatakan bahawa mereka telah menunjukkan peningkatan dalam penerapan nilai-nilai jati diri setelah tamat menjalani program.

"Secara purata, 95 peratus bersetuju bahawa program ini dapat membantu mereka meningkatkan kebolehpasaran kerja, selaras dengan objektif PPB dalam mendukung Wawasan



Brunei 2035," jelasnya.

Menurutnya, PJD berteraskan empat komponen utama yang telah distruktur dan dirangka untuk memenuhi serta melengkapkan nilai-nilai jati diri para pelatih iaitu Komponen Keagamaan, Kenegaraan dan Jati Diri; Komponen Disiplin dan Latihan Fizikal; Komponen Keusahawanan; dan Komponen Khidmat Komuniti.

"InsyaaAllah, melalui penerapan komponen - komponen ini, dihasratkan agar para pelatih dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja, serta mencungkil bakat kepimpinan dalam diri mereka dan memupuk semangat berdikari yang tinggi demi melahirkan insan yang berbakti kepada bangsa, agama dan negara," katanya lagi.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Ugama Program Jati Diri, Dr. Nur Firdaus bin Abu Bakar dan kemudian diteruskan dengan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran iaitu Surah Luqman ayat 12 hingga

17 oleh 1930 Pelatih Awangku Muhammad Hadi bin Pengiran Abdul Rahman dari Platon 2.

Acara diteruskan dengan tayangan video Pembukaan PJD Kohort Ke-9, diikuti dengan lafaz ikrar yang diketuai oleh 1900 Pelatih Muhammad Hakeme Yazid bin Said daripada Platon 1, dan kemudiannya dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan, Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah.

PJD merupakan sebuah program yang diperkenalkan pada tahun 2022 atas usaha sama antara JPM melalui PPTM dan PPB; Kementerian Pendidikan melalui IBTE dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui BKBN.

PJD bertujuan untuk meningkatkan dan memperkukuh jati diri para pelajar dalam aspek-aspek kenegaraan, kerohanian, daya ketahanan, integriti, disiplin dan tanggungjawab.

Ini adalah bagi mempersiapkan diri mereka dalam menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran yang bakal ditempuhi terutama sekali apabila memasuki alam pekerjaan kelak.



PARA pelatih baharu melaungkan lafaz ikrar.

# Kunjungan muhibah bagi persiapan awal Jabatan Urusan Haji

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



**PENGARAH** Urusan Haji yang juga selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam semasa menerima kunjungan muhibah daripada Pengerusi Syarikat Nozoly di Bilik Mesyuarat, Jabatan Urusan Haji (JUH), Kementerian Hal Ehwal Ugama (kiri dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 Julai. - Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad juga selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam menerima kunjungan muhibah daripada

Pengerusi Syarikat Nozoly, Dato Jamil Sulaiman Bondaggy iaitu salah sebuah syarikat penyedia perkhidmatan haji di Arab Saudi, pagi tadi.

Perjumpaan tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat, Jabatan Urusan Haji (JUH),

Kementerian Hal Ehwal Ugama. Antara tujuan perjumpaan tersebut diadakan adalah sebagai persiapan awal JUH dalam meneliti dan menilai perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh syarikat

berkenaan khususnya perkhidmatan di Mashaer (Arafah dan Mina) di samping sebagai usaha untuk menambah baik pengurusan haji pada Musim Haji bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi. Hasil dapatan daripada

perjumpaan ini akan diteliti lebih lanjut sebelum menentukan syarikat yang akan dipilih selaku penyedia perkhidmatan haji bagi jemaah haji Negara Brunei Darussalam pada Musim Haji bagi Tahun 1447H / 2026M ini nanti.

## MSSBRPAD, SYARIKAT SERIKANDI CAFE & RESTAURANT METERAI PERJANJIAN PENYEDIAAN KATERING

**MADANG**, Rabu, 23 Julai. - Pihak pengurusan Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis Madang hari ini memeterai satu perjanjian rasmi bersama Syarikat Serikandi Cafe & Restaurant, sebuah syarikat katering yang terkenal dengan reputasi profesional dan perkhidmatan berkualiti tinggi, sebagai penyedia rasmi perkhidmatan katering bagi semua acara yang berlangsung di dewan masjid berkenaan.

Majlis Menandatangani Kontrak tersebut diadakan di Dewan MSSBRPAD dan disaksikan oleh wakil-wakil daripada kedua-dua belah pihak.

Kontrak berkenaan meliputi tempoh perkhidmatan selama tiga tahun, berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2025 hingga 31 Julai 2028.

Majlis Penandatanganan Perjanjian disempurnakan oleh Pengerusi Dewan MSSBRPAD, Pengiran Aliuddin bin Pengiran Haji Abdul Rahman bersama Pengarah Urusan Syarikat Serikandi Cafe & Restaurant, Dayang Hajah Latifah binti Ambran.

Majlis tersebut disaksikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Takmir MSSBRPAD, Imam MSSBRPAD, Awang Nuzli bin Haji Jumat dan Pengerusi & Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Serikandi, Dr. Shaikh Khalid bin Shaikh Haji Ahmad.

Turut hadir, Penasihat Jawatankuasa Takmir dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dewan MSSBRPAD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir MSSBRPAD



**SESI** bergambar ramai setelah selesai Majlis Penandatanganan Perjanjian yang diadakan di Dewan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis Madang.

dan kakitangan Syarikat Serikandi Cafe & Restaurant.

Pengerusi Dewan MSSBRPAD menzahirkan perasaan berbesar hati atas terjalannya kerjasama strategik tersebut dengan Syarikat Serikandi Cafe & Restaurant, dan ini adalah satu langkah penting dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan serta memberikan pengalaman terbaik kepada pelanggan yang memilih dewan tersebut sebagai lokasi acara mereka.

Perjanjian tersebut turut merangkumi penyediaan pelbagai pakej katering termasuk majlis perkahwinan, seminar korporat, majlis keramaian dan acara-acara rasmi lain.

Syarikat Serikandi Cafe & Restaurant beroperasi di Negara

Brunei Darussalam sejak 1974, dan syarikat berkenaan terkenal dengan penyediaan makanan halal meliputi pelbagai menu, serta memiliki pasukan penyaji makanan yang berpengalaman.

Sementara itu, Pengarah Urusan Serikandi Cafe & Restaurant pula menjelaskan, kami amat teruja dengan peluang tersebut dan komited untuk memberikan yang terbaik kepada setiap pelanggan yang berkunjung ke Dewan MSSBRPAD, dengan gabungan fasiliti dewan yang serba lengkap dan perkhidmatan katering kami, serta kami yakin dapat mencipta pengalaman acara yang tidak dapat dilupakan.

Kerjasama tersebut dijangka memberi impak positif kepada pembangunan industri hospitaliti

**Oleh : Khartini Hamir**  
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

tempatan, serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan dalam komuniti.

Dalam pada itu, Pengerusi Dewan MSSBRPAD dan Pengurusan Perekonomian MSSBRPAD memaklumkan matlamat kerjasama dalam perkhidmatan katering tersebut adalah semata-mata dalam usaha memperkasa ekonomi masjid dan menyokong pelaksanaan aktiviti keagamaan serta kebajikan.

Pihak pengurusan Dewan MSSBRPAD telah menetapkan bahawa hasil penyewaan dewan akan disalurkan terus ke Tabung MSSBRPAD, dan pendapatan tersebut akan digunakan untuk menampung kos pengurusan,

penganjuran program keagamaan, pendidikan, serta bantuan kepada golongan asnaf.

Langkah ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif kelestarian kewangan Dewan MSSBRPAD, dengan dewan komuniti yang dimiliki masjid diurus secara profesional dan hasilnya dimanfaatkan sepenuhnya untuk pembangunan ummah.

Di samping itu, ia juga bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada derma dan pendekatan tersebut bukan sahaja menjadikan masjid lebih berdikari dari segi kewangan, tetapi turut menjadikan dewan sebagai aset ekonomi yang memberi impak langsung kepada masyarakat setempat.

# MENINGKATKAN KESEDARAN MANFAAT KESIHATAN PENDERMA DARAH



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam semasa menyempurnakan Pelancaran Kempen Derma Darah (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, antara yang hadir menyertai kempen berkenaan.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sekali lagi menganjurkan Kempen Derma Darah yang berlangsung di Ruang Lobi, JPA, Jalan Kumbang Pasang, di sini.

Kempen yang dikendalikan oleh Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan, JPA tersebut

berjaya mengumpul sebanyak 65 pain darah.

Pelancaran kempen berkenaan disempurnakan pagi tadi oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman. Inisiatif tersebut bertujuan untuk menggalakkan tanggungjawab sosial dalam kalangan warga Perkhidmatan

Awam (PA) serta orang ramai melalui langkah mudah menyelamatkan nyawa, iaitu dengan menderma darah.

Selain itu, kempen tersebut juga bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai manfaat kesihatan dan tubuh badan penderma darah.

Kempen berkenaan diharap

akan mendorong amalan menderma darah dalam kalangan warga PA sebagai satu tabiat kesihatan sepanjang hayat.

Oleh itu, kempen tersebut akan diadakan secara berterusan sebagai sebahagian inisiatif JPA untuk membantu hospital menambah bekalan stok darah bagi mereka yang memerlukan.

## Bersatu padu perangi jenayah pemerdagangan orang



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



DELEGASI Negara Brunei Darussalam semasa menghadiri 1st ASEAN Workshop on the Monitoring and Reporting of MERL Framework of the Bohol Trafficking in Persons Work Plan 2.0 (BWP 2.0) di Kuala Lumpur, Malaysia (atas kiri dan atas kanan).

**KUALA LUMPUR**, Khamis, 24 Julai. - Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) terdiri daripada wakil dari Bahagian Keselamatan dan Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei menghadiri 1st ASEAN Workshop on the Monitoring and Reporting of MERL Framework of the Bohol Trafficking in Persons Work Plan 2.0 (BWP 2.0) di Kuala Lumpur, Malaysia.

Bengkel yang diadakan selama dua hari dari 22 hingga 23 Julai 2025 ini dianjurkan dengan kerjasama oleh ASEAN Senior Officials Meeting on Transnational Crime (SOMTC) Philippines dan

Malaysia serta ASEAN - Australia Counter Trafficking (ACT) program.

Bengkel tersebut merupakan program latihan dikhususkan kepada National ACTIP Representatives (NAR) dan SOMTC focal points mengenai tatacara penyediaan laporan MERL Framework's results chart untuk menyediakan 2025 Consolidated ASEAN Member States Bohol Work Plan 2.0 Accomplishment Report yang mana merangkumi penelitian dan penyemakan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh negara-negara ahli ASEAN dalam BWP 2.0 yang mengandungi empat teras (4Ps) iaitu Pencegahan, Perlindungan,

Pendakwaan dan Perkongsian dalam memerangi jenayah pemerdagangan orang.

Bengkel dihadiri oleh 33 orang wakil daripada SOMTC, NAR dan pelbagai ASEAN Sectoral Bodies dari 10 buah negara ASEAN dan Timor Leste selaku negara pemerhati.

Sepanjang bengkel ini diadakan, para peserta telah memahami secara mendalam akan peranan sebagai NAR dan SOMTC focal points dalam pelaksanaan MERL untuk memantau, meneliti, menyemak dan menyediakan laporan mengenai perkembangan pelaksanaan BWP 2.0 di negara masing-masing selain mendukung penambahbaikan yang berterusan.

**Selamatkan Usus Awda.**  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

*Selamatkan Usus Awda*

# PERSEMBAHAN SIMFONI ROHANI MERIAHKAN PENTAS PERAYAAN



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan yang diadakan di pentas Perayaan kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong (atas dan atas kanan).

Oleh : Mohammad Khairul Hisyam Jaya  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**TUTONG**, Khamis, 24 Julai. - Bagi memeriahkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, satu persembahan bercorak keagamaan telah diadakan di Pentas Perayaan, kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong, malam tadi.

Persembahan yang bertemakan Simfoni Rohani itu merupakan inisiatif Pejabat Unit Dakwah Daerah Tutong dengan penglibatan para pegawai dan kakitangan Unit Dakwah Daerah Tutong, Persatuan Saudara - Saudara Baharu



(PESATU), Saudara - Saudara Baharu Kelas Bimbingan Mualaf Batang Mitus serta peserta Skim Bimbingan Lanjutan 1 Tahun 2025, lelaki dan perempuan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Antara objektif utama penganjuran persembahan ialah bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara saudara-saudara baharu dan masyarakat umum melalui medium kesenian yang berteraskan nilai-nilai keislaman.

Selain itu, ia juga menjadi

platform kepada saudara-saudara baharu untuk tampil dengan penuh keyakinan serta memberikan sumbangan mereka dalam memeriahkan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Persembahan itu menggabungkan elemen alunan nasyid, tausiyah dan lakonan yang membawa mesej pengajaran bertujuan untuk mencipta suasana yang menyentuh hati serta menzahirkan semangat dakwah di Negara Brunei Darussalam.

## 48 murid tamatkan pembacaan Al-Quran diraikan



KETUA Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas Majlis Khatam Al-Quran (atas kiri). Manakala gambar atas, sekitar majlis berkenaan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BENGKURONG**, Khamis, 24 Julai. - Seramai 48 murid iaitu 23 murid lelaki dan 25 murid perempuan Darjah VI Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Malik, Bengkurong yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas, di sini.

Majlis yang diunkayahkan ini adalah bertujuan untuk menyemai rasa syukur atas nikmat ilmu serta kemampuan membaca Al-Quran dalam kalangan murid di samping sebagai pengiktirafan atas usaha mereka mempelajari tajwid dan menyempurnakan bacaan Al-Quran.

Majlis turut menghargai sokongan berterusan ibu bapa serta dedikasi para guru dalam membimbing dan mendorong anak-anak ke arah pencapaian cemerlang bukan sahaja dari sudut akademik tetapi juga rohani dan akhlak.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian

Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Ernie Yusnani binti Haji Mohd. Noor, yang turut memimpin bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Para peserta khatam kemudiannya memulakan bacaan surah-surah lazim diikuti dengan bacaan Takhtim serta Doa Khatam oleh Awang Aiman Hafiy Hilman bin Mohd. Irman.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir dan kemudiannya penyampaian sijil oleh tetamu khas majlis. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Haji Mohd. Wafiyuddin bin Haji Azahari.

Majlis-majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di persekolahan agama di negara ini adalah bagi menyahut hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran yang menjadikan pembacaan dan penghayatan Al-Quran sebagai amalan harian dalam kehidupan beragama.

Ia juga mencerminkan usaha murni JPI dalam memperkukuh syiar Islam di negara ini.



## MINDA PEMBACA

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Peranan Belia Dalam Membina Teknologi Bermanfaat'. Tarikh Tutup : 30 Julai 2025
2. 'Isu Pengangguran, Keperluan Penyesuaian Kurikulum'. Tarikh Tutup : 6 Ogos 2025
3. 'Gaya Hidup Sihat Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup'. Tarikh Tutup : 13 Ogos 2025

### TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# WANITA FILIPINA TERIMA HIDAYAH ISLAM

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Azmah Haji Ahad



**TANAH JAMBU**, Jumaat, 25 Julai. - Keinginan dari hati yang tulus dan mendalam tanpa paksaan malah rela untuk menjadi salah seorang umat Islam menjentik sanubari seorang wanita Filipina untuk



**DAYANG** Siti Ameera Palma binti Abdullah selamat melafazkan ikrar dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman bertempat di kediaman Dayang Rokiah @ Sintan binti Haji Besar (kiri dan bawah kiri).

berpegang agama Islam sebagai pegangan hidupnya yang baharu.

Seorang wanita berusia 56, Jasmin Palma Bandianon yang sebelumnya penganut agama kristian sekarang dengan izin-Nya jua selamat melafazkan ikrar dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman bertempat di kediaman Dayang Rokiah @ Sintan binti Haji Besar, hari ini.

Pada majlis yang disempurnakan di hadapan pegawai-pegawai Pusat Da'wah Islamiah (PDI) di sini, beliau kini memilih nama islamnya sebagai Dayang Siti Ameera Palma binti Abdullah.

Dayang Siti Ameera Palma mengongsikan sudah lama mula mengenal agama Islam dan bersyukur kerana dihadirkan dengan orang-orang yang baik yang memberikan sokongan dan dorongan di sekelilingnya selama ini.

Selain itu, beliau juga melahirkan harapan agar dikabulkan doanya untuk merasakan ke tanah suci sama ada melaksanakan umrah ataupun haji pada suatu hari nanti.



Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban dan seterusnya penyampaian cenderamata kepada saudara baharu yang baru diraikan.

Menurut perangkaan statistik dari PDI, sejumlah 136 orang yang telah memeluk agama Islam bagi seluruh Negara Brunei Darussalam dari awal Januari sehingga 17 Julai tahun ini.

Para mualaf juga tidak kurang

menerima didikan dan bimbingan daripada PDI dengan mengendalikan kursus-kursus bimbingan dalam pengetahuan agama dan sebagainya.

Dari itu, kita selaku umat Islam juga terus sama-sama membimbing dan membentuk para mualaf dengan kefahaman mengenai ajaran dan keindahan Islam sebagai agama yang sebenarnya.

## TechXpo kini kembali pameran kemajuan teknologi



**PENGERUSI** InfoCom Federation Brunei dan Ketua Komunikasi Korporat D'Sunlit Sdn. Bhd. hadir bagi menyaksikan majlis penandatanganan tersebut (atas dan atas kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 Julai. - TechXpo 2025 dijadualkan akan berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas yang bermula dari 14 hingga 16 Ogos 2025 ini nanti.

Justeru, Majlis Menandatangani Rakan Strategik dan Penaja TechXpo 2025 telah dilaksanakan bertempat di Dewan Serbaguna, D'Sunlit Sdn. Bhd. hari ini dengan mengetengahkan tema 'Inovasi Untuk Masa Hadapan (Innovate Tomorrow)'.

Hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut,

Pengerusi InfoCom Federation Brunei (IFB), Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff dan Ketua Komunikasi Korporat D'Sunlit Sdn. Bhd., Dayang Chui San Ting.

Majlis tersebut merupakan platform rasmi untuk membentangkan mengenai objektif, hala tuju dan sorotan utama bagi TechXpo 2025. Pameran juga dianjurkan bersama oleh IFB, sebuah badan bukan mengaut keuntungan yang mewakili industri ICT Brunei dan D'Sunlit Sdn. Bhd., yang dilantik sebagai Pengurus Acara dan

Kontraktor, dengan sokongan daripada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Manakala pelancaran Zon 'NextWave' : Sebuah zon khas dalam pameran yang akan menonjolkan syarikat pemula teknologi (*startups*), usahawan muda, dan pencipta digital tempatan, memberi mereka peluang mempamerkan inovasi dan penyelesaian teknologi awal yang selari dengan tema 'Innovate Tomorrow'.

Acara juga akan menganjurkan dengan mengembalikan Pertandingan e-Sukan (e-Sports Tournament) iaitu permainan popular seperti PUBG Mobile dan



FC25 on Console selain menarik minat golongan belia dan komuniti permainan digital, serta menekankan komitmen TechXpo terhadap penglibatan inklusif bersama generasi muda.

Sementara itu, Forum CEO ICT BIMP-EAGA dan Mesyuarat Kluster ICT BIMP-EAGA dijalankan serentak dengan TechXpo 2025, forum serantau peringkat tinggi itu akan menghimpunkan para pegawai eksekutif kanan dan pemimpin ICT dari rantau BIMP-EAGA yang setentunya akan memperkukuh peranan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam kerjasama digital serantau.

NBD terus bergerak ke arah era transformasi digital selaras dengan aspirasi Negara Pintar, TechXpo 2025 mengalu-alukan penyertaan dari semua lapisan masyarakat untuk bersama-sama

menjayakan pameran berimpak tinggi ini yang menekankan kepentingan inovasi, kerjasama strategik dan kemajuan teknologi.

Adapun TechXpo 2025 bertujuan meraikan para pencipta masa kini yang membina asas bagi generasi akan datang dan pameran tersebut bertujuan mengembalikan semula keajaiban penemuan, dengan menonjolkan bagaimana teknologi masa kini bukan sahaja mengubah kehidupan sekarang, tetapi turut membentuk masa hadapan yang lebih baik dan saling terhubung bagi masa akan datang.

Pameran tahun ini juga sejajar dengan agenda NBD untuk menjadi 'Negara Pintar' dan mengukuhkan kedudukannya sebagai ekonomi berasaskan pengetahuan yang berdaya tahan secara digital.



## Lindungi diri daripada penyakit ain

yang disebabkan oleh pandangan mata yang disertai perasaan iri hati atau kagum yang berlebihan. Ia boleh memberi kesan buruk kepada orang yang dipandangnya, termasuk pada tubuh, jiwa atau benda. Ia boleh terjadi sama ada daripada orang yang dengki atau orang yang disukai, daripada orang yang jahat atau orang yang baik.

Penyakit ain boleh berlaku apabila seseorang memandang dengan perasaan iri hati, perasaan tidak senang melihat orang lain mendapat nikmat dan ingin agar nikmat itu hilang daripada mereka contohnya seorang jiran melihat jirannya membeli kereta baharu lalu hatinya berasa marah atau kecewa kerana dia tidak mampu memilikinya. Pandangan seperti ini jika disertai dengan perasaan jahat dan tidak diiringi dengan doa kebaikan boleh menyebabkan mudarat melalui mata.

Manakala kekaguman yang tidak diiringi dengan doa kebaikan adalah bentuk ain yang lebih halus dan tidak disengajakan. Ia boleh berlaku walaupun tanpa hasad, contohnya seseorang yang memuji apabila melihat kanak-kanak yang sangat comel atau bijak tanpa menyertakan dengan pujian kepada Allah Subhanahu Wata'ala atau tanpa mendoakan keberkatan. Walaupun tidak ada perasaan iri hati, pandangan ini masih boleh menyebabkan kesan ain kerana kekuatan pandangan mata manusia itu adalah hakikat yang diakui oleh syariat.

Selain itu, perasaan ujub iaitu berlebihan dalam memuji diri sendiri dan suka memamerkan kelebihan diri juga boleh menyebabkan seseorang mudah terkena penyakit ain.

Adapun cara untuk menangani penyakit ain ini, apabila memuji seseorang yang dikagumi hendaklah disertai dengan menyebut nama Allah Subhanahu Wata'ala terlebih dahulu. Sunat memuji Allah Subhanahu Wata'ala terlebih dahulu sebelum memuji makhluk. Ini adalah adab

yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk mencegah terjadinya ain, daripada Amir bin Rabiah Radiallahuanhu katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Jika seseorang melihat sesuatu pada diri, harta atau saudaranya yang membuatnya kagum, ia harus mengucapkan "Barakallah" (semoga Allah memberkatinya) kerana ain itu benar ada". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Hadis ini mengajarkan kita untuk mendoakan keberkatan bagi orang yang kita kagumi agar terhindar daripada mudarat penyakit ain. Oleh itu, pujian dan kekaguman hendaklah diiringi dengan menyandarkan nikmat kepada Allah Subhanahu Wata'ala seperti "MasyaAllah", "Alhamdulillah" dan seumpamanya dan bukan semata-mata pada makhluk.

Antara penyakit yang boleh terjadi disebabkan oleh pandangan mata ialah seperti penyakit kulit, keletihan yang berpanjangan, sakit kepala, gangguan tidur atau mimpi buruk, kekejangan terutama pada anak damit, berasa lemah dan berat di seluruh badan atau bahagian tertentu, merasa cemas atau tertekan, perasaan cemas yang tiba-tiba. Kurang semangat dan sebagainya.

Adapun cara untuk melindungi diri daripada penyakit ain ialah dengan banyak berzikir, istighfar, berdoa dan ta'uz (bacaan perlindungan). Antara doa yang diajarkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bagi perlindungan daripada penyakit ain itu ialah :

**Ertinya :** "Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada segala syaitan, binatang yang berbisa dan pandangan mata yang jahat".

Selain itu, kita juga boleh mengamalkan zikir ini sebagai pendinding daripada penyakit ain serta musibah lain, iaitu :

**Ertinya :** "Aku berlindung dengan kalimah Allah yang sempurna daripada segala kejahatan makhluk-Nya".

Zikir ini juga boleh kita amalkan, iaitu : **Ertinya :** "Dengan nama Allah yang bila disebut, segala sesuatu di bumi dan di langit tidak akan berbahaya, Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menganjurkan rawatan rukyah (perubatan Islam) untuk mengubati penyakit ain. Daripada Ummu Salamah Radiallahuanha sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melihat anak perempuan Ummu Salamah Radiallahuanha yang masih kecil dan kulit wajahnya cenderung menghitam. Kemudian, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Mintakanlah rukyah untuknya kerana dia terkena 'nazrah' (penyakit ain)".

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Bagi melindungi dan menghindarkan diri kita daripada terkena penyakit ain ini, hindarkanlah diri kita daripada menunjuk-nunjuk secara berlebihan terutama di media sosial. Kita juga hendaklah menjaga diri daripada sifat hasad, ujub dan rasa kagum yang berlebihan. Sentiasalah ingat akan keagungan Allah Subhanahu Wata'ala ketika melihat kelebihan seseorang. Amalkanlah Surah Al-Falaq agar terhindar daripada orang yang hasad dan dengki. Mudah-mudahan kita dijauhkan daripada terkena penyakit ain dan dijauhkan daripada mudarat penyakit-penyakit yang lain, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

**Tafsirnya :** "Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : "Aku berlindung pada Tuhan yang menguasai Subuh. Daripada kejahatan makhluk-makhluk yang Dia ciptakan. Dan daripada kejahatan malam apabila telah gelap gelita. Dan daripada kejahatan tukang-tukang sihir yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan. Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia dengki". (Surah Al-Falaq, ayat 1-5)

## NBD kini mengalami keadaan cuaca lebih kering

**Siaran Akhbar dan Infografik :  
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**

### >> Muka 1

Keadaan ini dijangka akan menyebabkan keadaan cuaca yang lebih kering berbanding dengan minggu sebelumnya, dengan pengurangan

pembentukan awan hujan di rantau negara kita bagi beberapa hari yang akan datang.

Sejak 21 Julai 2025, NBD telah mengalami cuaca panas melampau di beberapa kawasan negara pada waktu siang,

dengan suhu maksimum harian yang telah direkodkan di beberapa stesen pencerapan telah mencapai 35 darjah Celsius atau lebih selama tiga hari berturut-turut kebelakangan ini.

Berdasarkan ramalan cuaca berangka terkini, keadaan cuaca NBD diramalkan berterusan panas dan kering, dengan pengurangan jumlah dan aktiviti hujan sehingga 26 Julai 2025.

Suhu maksima harian dijangkakan boleh mencecah antara 33 darjah Celsius hingga 38 darjah Celsius.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan keselamatan berkaitan dengan keadaan cuaca panas dan kering yang diramalkan berlaku.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) telah menyediakan catatan suhu maksimum harian dan juga suhu 'yang dirasakan' bagi beberapa kawasan di NBD dengan menggunakan infografik-infografik yang dikongsikan melalui media sosial BDMD untuk makluman dan rujukan orang ramai.

Sehubungan dengan itu, orang ramai juga adalah dinasihatkan untuk terus

## Undi, pilih calon Ketua Kampung

**Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Julai. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Tasek Lama, Melabau dan Tungkadeh, Mukim Kianggeh bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tasek Lama, Melabau dan Tungkadeh, Mukim Kianggeh akan diadakan pada Jumaat, 1 Ogos 2025 bertempat di Sekolah Rendah Puser Ulak bermula pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung ini akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers* pada 1 Ogos 2025 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibukakan melalui aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2025.


Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung Tasek Lama, Melabau dan Tungkadeh, Mukim Kianggeh yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui ketua kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, JDBM manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui Aplikasi e-Undi PMKK sebelum 29 Julai 2025 pukul 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung Tasek Lama, Melabau dan Tungkadeh, Mukim Kianggeh untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.


mengikuti maklumat cuaca rasmi yang dikeluarkan oleh BDMD melalui aplikasi bimbit BruneiWX dan media-media sosial BDMD, iaitu laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather), saluran Whatsapp dan Telegram

(Brunei Weather).

Selain itu, maklumat cuaca terkini boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang [www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn).



Keadaan cuaca diramalkan berterusan panas dan kering sehingga 26/07/2025. Orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan keselamatan berkaitan dengan keadaan cuaca panas dan kering yang diramalkan berlaku  
Siaran Akhbar | 23 Julai 2025





Sila imbas untuk  
khutbah lengkap

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 29 Muharram 1447H / 25 Julai 2025M



# LINDUNGI DIRI DARIPADA PENYAKIT AIN



Penyakit ain dalam Islam adalah penyakit yang disebabkan oleh pandangan mata yang disertai perasaan iri hati atau kagum yang berlebihan.

## Sebab berlakunya penyakit ain:

- 1 Seseorang memandang dengan perasaan iri hati.
- 2 Kekaguman yang tidak diiringi dengan doa kebaikan.
- 3 Perasaan ujub iaitu berlebihan dalam memuji diri sendiri dan suka mempamerkan kelebihan diri.

## Antara penyakit yang boleh terjadi:



## Doa untuk melindungi diri dari penyakit ain:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ، مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ، وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ.

Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala syaitan, binatang yang berbisa dan pandangan mata yang jahat.



**Bilangan Tawaran:**  
KK / 187 / 2025 / UPP(TC)

**Keterangan:**  
Supply and Delivery of Implants for Cemented Bi-Polar Hip Replacement and Cementless Bi-Polar Hip Replacement for Department of Orthopedic, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital for A Period of Two (2) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 189 / 2025 / JPR(TC)

**Keterangan:**  
Supply and Delivery of Bicarbonate Dialysate Part A and Part B for Department of Renal Services, Ministry of Health for A Period of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND1000.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 191 / 2025 / ESTETMOH

**Keterangan:**  
Maintenance Work at Block F3, Spg 253-17, Kg Kiarong Housing, Ministry of Health

**Eligibility for Tenderers:**  
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Kelas:**  
II

**Kategori:**  
B01, KA01 dan E01

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 192 / 2025 / SMS(TC)

**Keterangan:**  
Supply and Delivery of Medical Consumables Item (Sutures) For the State Medical Store for A Period of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 193 / 2025 / SMS(TC)

**Keterangan:**  
Supply and Delivery of Medical Consumables (Surgical Dressings) For the State Medical Store for A Period of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 194 / 2025 / SMS(TC)

**Keterangan:**  
Supply and Delivery of Accessories for CVVHD Equipment for The State Medical Store for A Period of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 195 / 2025 / SMS(TC)

**Keterangan:**  
Supply and Delivery of Medical Consumables Item (CSSD Consumables) For the State Medical Store for A Period of Three (3) Years

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 190 / 2024 / HTD

**Keterangan:**  
To Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Electrosurgical Generator For Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 29 Julai 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN KASTAM DAN EKSAS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Perkhidmatan Pengangkutan Dan Tenaga Kerja Bagi Kerja-Kerja Penghapusan Secara Berkontrak 12 Bulan Untuk Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi**

**Rujukan Tawaran:**  
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-04

**Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga:**  
Selasa, 29 Julai 2025.  
Jam 2.00 Petang.

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 197 / 2025 / SMS(TC)

**Keterangan:**  
Supply and Delivery of Medical Consumables Item (Sutures) For the State Medical Store for A Period of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
5 Ogos 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / SDC / TA / 01

Perkhidmatan Veterinary Kuda Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2024 / MAB / TA / 007

To Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning of Battery Storage & Backup Generator at Bukit Bian, Ministry Of Defence, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 5 Ogos 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
12 Ogos 2025.  
Jam 2.00 Petang.

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran :**  
MINDEF / DFA / FY2025 / MED / TA / 01

Pembelian Ubat-Ubat Demam, Batuk & Selsema Bagi Markas Khidmat Perubatan

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran :**  
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA / 03

Pembelian Towable Baggage Conveyor Belt Trailer Bagi Tentera Udara Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah dua minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 12 Ogos 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
19 Ogos 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**

RTB / K / 56 / 25-26  
Replacement Work for Main Entrance Door at Main Building, Radio Television Brunei Sungai Akar Broadcasting Complex

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
RTB / K / 57 / 25-26  
Renovation Works to the External Wall of the Sekretariat Building, Bandar Seri Begawan

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**

RTB / K / 58 / 25-26  
Demolition Works For Radio Television Brunei Berakas Barracks

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**

RTB / K / 59 / 25-26  
Construction of a New Parking Area at Radio Television Brunei Broadcasting Complex, Sungai Akar

**Bayaran Yuran:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas (Hardcopy):**  
BND5.00  
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
6 Ogos 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
AUD / BPK / UE / Q&T / 2024-2025 / 05

**Tawaran Bagi Kerja-Kerja Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Tempoh 24 Bulan (2 Tahun) Dari Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Ke Tempat Pembuangan Sampah Yang Dikhaskan Oleh Pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,



**JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
JDB / BKPD / SH / 14 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Quotation For Removal Of Playground Equipment And Toilet Restoration At Taman Peranginan Pantai Sungai Liang

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Tarikh Tutup:**  
5 Ogos 2025.  
(Selasa)



**Sebut Harga Bagi Mencetak, Membekal Dan Menghantar Cendera Hati Korporat Berserta Kotak Ke Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.**

**Rujukan Tawaran:**  
02 / STOR / 2025-2026

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
6 Ogos 2025.  
Jam 2.00 Petang.



5 Ogos 2025.  
Jam 2.00 Petang.





**Di Dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.  
BCY / CP / 614 / 2011**

**BIBD At-Tamwil Berhad**  
Pemiutang / Pemetisyen

**Ardie Ismawaredie Bin Ludin**  
Kad Pengenalan Brunei  
No. 00-286802  
Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **10 Mei 2025**.

**Nama dan alamat bankrap:**  
**Ardie Ismawaredie Bin Ludin**,  
No. 12 E, Simpang 69-14,  
RPN Kampung Pandan,  
Kuala Belait KA2131,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**  
25 Februari 2025

Semua Sipiutang - sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Tarikh:**  
20 Mei 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 653 / 2015**

**Baiduri Finance Berhad**  
(Previously Filed By HSBC  
Finance (B) Berhad)  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Mohamed Razimasshahir Bin Abd Rahim**  
(RBPf NO. 01-055210 /  
APO5792)  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **25 Februari 2016 telah dibatalkan pada 17 Mei 2025**.

**Nama Penghutang:**  
Mohamed Razimasshahir Bin Abd Rahim

**Alamat Penghutang:**  
No. 5D, Simpang 611,  
JKR 31,  
Block E,  
Perumahan Polis LNG,  
Lumut, Belait,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
22 Mei 2025

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**Kes No.  
BCY / CP / 29 / 2023**

**Baiduri Finance Berhad**  
Pemiutang / Pemetisyen

**Mohammad Sah Rimi Bin Awg Hj Pudrin**  
Kad Pengenalan Brunei No.  
00-300178 – RBAF IC  
Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Mei 2025**.

**Nama dan alamat Bankrap:**  
Mohammad Sah Rimi  
Bin Awg Hj Pudrin,  
No. 10, Simpang 479-54-12,  
Jalan Wasai Limuru,  
Kampung Tanah Jambu,  
Bandar Seri Begawan BU1129,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**  
26 Disember 2024

Semua Sipiutang - sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Tarikh:**  
20 Mei 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 125 / 2022**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**  
Pemiutang / Pemetisyen

**Mohamad Yusrin Bin Jambal / Jambul**  
Kad Pengenalan Brunei  
No. 01-070822 – BYIC  
Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 Mei 2025**.

**Nama dan alamat Bankrap:**  
Mohamad Yusrin Bin Jambal / Jambul  
No. 700 'A',  
Simpang 700,  
Kampung Sungai Matan,  
Jalan Kota Batu,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**  
10 Mac 2025

Semua Sipiutang - sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Tarikh:**  
20 Mei 2025  
**Kes No.  
BCY / CP / 66 / 2010**

**Baiduri Finance Berhad**  
(Previously Filed By HSBC  
Finance (B) Berhad)  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Faezah Binte Hj Shamsuddin**

BYIC NO. 00-252024  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **31 Julai 2010 telah dibatalkan pada 8 Mei 2025**.

**Nama Penghutang:**  
Faezah Binte Hj Shamsuddin

**Alamat Penghutang:**  
No. 23,  
Simpang 1761-30,  
Kampung Tanjung Nangka,  
Jalan Tutong, BG2321  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
19 Mei 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 145 / 2003**

**Standard Chartered Bank**  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Ibrahim Bin Haji Moktal**  
(BYIC NO. 00-014359)  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **14 Februari 2004 telah dibatalkan pada 15 Mei 2025**.

**Nama Penghutang:**  
Ibrahim Bin Haji Moktal

**Alamat Penghutang:**  
No. 14,  
Jalan 2,  
Simpang 21,  
Kampung Perpindahan Lambak  
Kanan, BC2715,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
19 Mei 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 262 / 2009**

**Standard Chartered Bank**  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Norhizayawati Binti Zaini**  
(BYIC NO. 00-266779)  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **15 Oktober 2009 telah dibatalkan pada 10 Mei 2025**.

**Nama Penghutang:**  
Norhizayawati Binti Zaini

**Alamat Penghutang:**  
No. 1,  
Simpang 18-69,  
Perumahan Mata-Mata Katok B,  
BE1918,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
19 Mei 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 376 / 2012**

**Standard Chartered Bank**  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Mohammad Khairullizan Bin Mohd Yussof**  
(BYIC NO. 00-306987)  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang

berikut pada **11 April 2013 telah dibatalkan pada 15 Mei 2025**.

**Nama Penghutang:**  
Mohammad Khairullizan Bin Mohd Yussof

**Alamat Penghutang:**  
Lot 1772,  
Simpang 766,  
Kampung Sungai Lalit,  
Lumut, Belait,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
19 Mei 2025

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**  
Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**Kes No  
BCY / CP / 88 / 2018**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**  
Pemiutang / Pemetisyen

**Abang Kahirol Sani bin Rasmani**  
Kad Pengenalan Brunei No.  
279335 – RBAF IC  
Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Mei 2025**.

**Nama dan alamat Bankrap:**  
**Abang Kahirol Sani Bin Rasmani**,  
No. 4,  
Simpang 7,  
Jalan Sungai Carana  
Rancangan Perpindahan  
Mengkuabau,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**  
5 Februari 2025

Semua Sipiutang - sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Tarikh:**  
20 Mei 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 120 / 2014**

**Baiduri Finance Berhad**

(Previously Filed By HSBC  
Finance (B) Berhad)  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Pengiran Binting Bin Pengiran Karim**  
(BYRC NO. 00-123013)  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **10 Disember 2015 telah dibatalkan pada 15 Mei 2025**.

**Nama Penghutang:**  
Pengiran Binting Bin Pengiran Karim

**Alamat Penghutang:**  
No. 6,  
Simpang 148-3-8,  
Jalan 99,  
RPN Kampung Rimba Gadong,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
19 Mei 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 302 / 2016**

**Baiduri Finance Berhad**  
(Previously Filed By HSBC  
Finance (B) Berhad)  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Mohamad Masli Bin Md Dali**  
(BYRC NO. 00-265791)  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **8 September 2015 telah dibatalkan pada 17 Mei 2025**.

**Nama Penghutang:**  
Mohamad Masli  
Bin Md Dali

**Alamat Penghutang:**  
No. 12,  
Flat E6,  
Simpang 50,  
Old Airport Lama Berakas  
883513,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
22 Mei 2025

**Nur Sariy Syahmina Binti Haji Jaffri**  
Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

سوروهنجاي فرخدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**INGIN MENGETAHUI TARIKH  
UJIAN / TEMU DUGA AWDA?**

Layari **www.recruitment.gov.bn**  
dan semak “**Kalendar Saya**”

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn



**PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
PPN / ASSET / BUUMM /  
CONTRACT / 2025 / 7 / 1  
Provision Of Security Guard  
Services For Law And Court  
Building, Attorney General's  
Chambers, Jalan Raja Isteri  
Pengiran Anak Saleha,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
5 Ogos 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
13 / BBS / SH / 2025-2026

**Keterangan Projek:**  
Supply And Install Solar Flood  
Light At Taman Jubli Perak,  
Jalan Maulana Kuala Belait.

**Yuran:**  
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
29 Julai 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Tajuk  
Tawaran (1):**  
JBS / ADM / TDR / 10 / 2025  
Supply and Delivery of  
Granular Nisso Chlon 65%  
Calcium Hypochloride  
(65% Dry Chlorine) or Equivalent  
for JBS Swimming Pool  
Complexes Contract Period of  
One (1) Year, Ministry of Culture,  
Youth and Sports,  
Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup:**  
5 Ogos 2025

**Bilangan dan Tajuk  
Tawaran (2):**  
JBS / ADM / TDR / 11 / 2025  
Tawaran Iklan Restoran  
Kompleks Sukan Air Pantai  
Serasa, Muara

**Dialamatkan kepada:**

Pengerusi,  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Tingkat 1,  
(Ruang Masuk / Penyambut  
Tetamu)  
Bangunan Kementerian  
Kebudayaan Belia dan Sukan,  
Simpang 336-17,  
Jalan Kebangsaan,  
Bandar Seri Begawan BA1211  
Negara Brunei Darussalam

**Peti Tawaran (Berwarna Biru)**

**Tarikh Tutup:**  
Seperti yang dinyatakan dalam  
keterangan

**Jam:**  
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

**Cagaran:**  
Bilangan 1:  
BND30.00 setiap dokumen  
Bilangan 2:  
BND10.00 setiap dokumen



**JABATAN BOMBA DAN  
PENYELAMAT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Tawaran:**  
Supply, Delivery And Installation  
Of Tyres And Provision Of Other  
Related Services For  
Brunei Fire And Rescue  
Department (3 Years Contract)

**Kod Tawaran:**  
BFRD / LTK / 02 / 2025 - 2026

**Tender Fee:**  
BND30.00  
(Tiga Puluh Ringgit Sahaja)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
19 Ogos 2025.



**Tarikh Tutup:**  
19 Ogos 2025.



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0015 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
General Repair And Painting  
Overall Boats Including Replacing  
Of Related Parts And Accessories,  
Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
31 Julai 2025.



**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0016 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
Replace, Supply And Install  
Compound And Street Solar  
Lighting At Serampang Slipway,  
Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup:**  
Khamis, 31 Julai 2025.



**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0012 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
Supply And Delivery Raw Water  
Sea Pump Including Upgrading  
Of Control Panel At Pump Station,  
Pantai Serasa,  
Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup:**  
Khamis, 31 Julai 2025.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
10 / JUNE / 2025 / KKBS / PJK /  
16.43(R)  
Mechanical And Electrical Term  
Maintenance For A Period Of  
Thirty-Six (36) Months For Outward  
Bound Brunei Darussalam (OBBD)  
Temburong, Brunei Darussalam  
(Requotation)  
1) Batang Duri Camp  
2) Belalong Camp  
(Kelas I)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
17 / JULY / 2025 / KKBS / PJK /  
16.22  
Mechanical And Electrical Term



Maintenance For A Period Of  
Twenty-Four (24) Months For  
1. Pusat Pembangunan Belia; &  
2. Outward Bound Brunei  
Darussalam Main Office  
(Kelas I, II & III)

**Yuran:**  
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Khamis, 7 Ogos 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN ALAM SEKITAR,  
TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**  
III / IV / V

**Kategori:**  
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran pada:**  
Rabu, 2 Julai 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa, 22 Julai 2025.

**Tarikh Tutup Pada:**  
Selasa, 29 Julai 2025.  
Jam 2.00 Petang.

(Ditutup di Pejabat Lembaga  
Tawaran Kecil, di Tingkat  
Bawah Bangunan Kementerian  
Pembangunan, Lapangan  
Terbang Lama Berakas,  
Bandar Seri Begawan BB3510,  
Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BTR / T014 / 2025**  
Penyelenggaraan Landskap  
Dan Kemudahan Taman  
Di Taman Rekreasi  
Pantai Serasa Bagi Tempoh  
Tiga (3) Tahun.

**No. Projek:**  
JASTRE / BTR / T014 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Non Refundable)



**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2025 – 2026 / 15

**Tajuk Tawaran:**  
Provision Of Event Management  
And Integrated Marketing Services  
For Brunei Gastronomy Festival  
2026 – Ramadhan Edition

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 4 September 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Tawaran:**  
(07-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

**Tajuk Tawaran:**  
Perkhidmatan Penyewaan  
Kenderaan Bagi Jabatan  
Pembangunan Masyarakat  
(JAPEM) Untuk Tempoh 24 Bulan

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
5 Ogos 2025.





**DA / JKSH / 69 / 2025 / 2026**  
[UPPK-JULAI-2025]  
BM Zon 1 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

a) Sekolah Rendah Serasa  
b) Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara  
c) Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Kampong Serasa, Muara  
d) Flat Perumahan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Kampong Serasa, Muara  
i. Flat Kelas F SM Pg Isteri Hj Mariam (12 Unit)  
e) Pusat Tingkatan Enam Meragang  
f) Sekolah Rendah Tanah Jambu  
g) Sekolah Rendah Haji Mohammad Salleh Sungai Hanching  
h) Sekolah Rendah Kapok  
i) Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali  
j) Flat Perumahan SM Sultan Sharif Ali  
i. Flat Kelas F SM Sultan Sharif Ali (6 Unit)  
Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan  
Daerah Brunei Muara.

**DA / JKSH / 70 / 2025 / 2026**  
[UPPK-JULAI-2025]  
BM Zon 2 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

a) Sekolah Rendah Anggerek Desa  
b) Flat Perumahan SR Anggerek Desa  
i. Flat Kelas F Blok A Dan B, SR Anggerek Desa (6+6 Unit)  
c) Sekolah Rendah Pulaie  
d) Sekolah Sukan Jalan Pulaie  
e) Asrama Lelaki Dan Perempuan Sekolah Sukan  
f) Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna  
g) Sekolah Rendah Amar Pahlawan  
h) Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan  
i) Sekolah Menengah Menglait  
Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan  
Daerah Brunei Muara.

**DA / JKSH / 71 / 2025 / 2026**  
[UPPK-JULAI-2025]  
BM Zon 5 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

a) Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak  
b) Flat Kelas F Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak  
c) Sekolah Rendah Dato Othman  
d) Sekolah Menengah Lambak Kiri  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan  
Daerah Brunei Muara

**DA/JKSH/72/2025/2026**  
[UPPK-JULAI-2025]  
BM Zon 6 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi

Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

a) Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah  
i. Asrama Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah  
b) Perumahan Kementerian Pendidikan Kawasan Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee c) Billah  
i. Flat Kelas B JKR 1002 Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah (6 Unit)  
ii. Flat Kelas C Blok C4 Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah (12 Unit)  
iii. Flat Kelas C Blok C5 Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah (12 Unit)  
iv. Berek Kelas G Blok A Dan B, Kawasan Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah (16 + 16 Unit)  
d) Pejabat Jabatan Pendidikan Khas Kawasan Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah  
i. Banglo C5 - Blok Pentadbiran  
ii. Banglo C9 Dan C10 - Cawangan Pejabat  
iii. Banglo C14 Unit Pemeliharaan Padang Dan Kawasan, Kawasan Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan  
Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 73 / 2025 / 2026**  
[UPPK-JULAI-2025]  
BM Zon 9 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

a) Blok J, Condominium Ong Sum Ping, Jalan Jawatan Dalam  
b) Sekolah Rendah Mabohai  
c) Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri  
d) Flat Perumahan Jalan Ong Sum Ping  
i. Flat Kelas F Blok 5 Ong Sum Ping (6 Unit)  
ii. Flat Kelas F Blok 6 Ong Sum Ping (6 Unit)  
e) Tasek Apartmen Jalan Tasek Lama Blok A Dan Blok B (96 Unit)  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan  
Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 74 / 2025 / 2026**  
[UPPK-JULAI-2025]  
BM Zon 13 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

a) Flat Kelas E Blok EF 18 Perumahan Beribi (8 Unit)  
b) Flat Kelas E Blok EF 19 Perumahan Beribi (8 Unit)  
c) Flat Kelas E Blok EF 20 Perumahan Beribi (8 Unit)  
d) Flat Kelas E Blok EF 21 Perumahan Beribi (8 Unit)  
e) Flat Kelas E Blok EF 22 Perumahan Beribi (8 Unit)  
f) Flat Kelas E Blok EF 25 Perumahan Beribi (8 Unit)  
g) Flat Kelas E Blok EF 26 Perumahan Beribi (8 Unit)  
h) Flat Kelas E Blok EF 27 Perumahan Beribi (8 Unit)  
i) Flat Kelas E Blok F 11 Perumahan Beribi (6 Unit)  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan  
Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 75 / 2025 / 2026**  
[UPPK-JULAI-2025]  
BM Zon 14 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di bawah Kementerian

Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

a) Sekolah Rendah Beribi Telanai  
b) Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut  
c) Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti Kilanas  
d) Sekolah Rendah Bengkurong  
e) Flat Kelas E SR Bengkurong (12 Unit)  
Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan  
Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 76 / 2025 / 2026**  
[UPPK-JULAI-2025]  
BM Zon 16 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

a) Sekolah Rendah Sengkurong  
b) Sekolah Rendah Awang Hj Mohd Yusof, Katimahar  
c) Sekolah Rendah Jerudong Husain  
d) Sekolah Menengah Sayyidina Husain  
e) Flat Kelas C, Kawasan Sekolah Menengah Sayyidina Husain (6 Unit)  
Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan  
Daerah Brunei Muara

**Bayaran Yuran Sebut Harga :**  
BND5.00  
**Tarikh Tutup / Waktu :**  
Sabtu,  
9 Ogos 2025,  
Jam 9.00 Pagi.



**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
17 / DBP / SH / 2025-2026  
Penggubahsuaian Dan Penaiktaraftan Bilik Pejabat Pemasaran,  
Dewan Bahasa Dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama Berakas

**Yuran:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Isnin,  
4 Ogos 2025,  
Jam 2.00 Petang.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI / BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

**PERINGATAN PENTING**

1. Lengkapkan Profil PSQR 2.0 (www.recruitment.gov.bn)
2. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pengisytiharan / sijil kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (sijil / keputusan / pengisytiharan / sijil kelulusan)
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (sijil / keputusan / pengisytiharan / sijil kelulusan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

| JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN                                                                                                    | URUS SETIA PENGAMBILAN  | KEKOSONGAN | JENIS IKLAN | TARIKH TUTUP PERMOHONAN |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|------------|-------------|-------------------------|
| 1. PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT II PEJABAT PERANCANGAN TENAGA MANUSIA JABATAN PERDANA MENTERI C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/JULI/04/JPM | JABATAN PERDANA MENTERI | 02         | 7(a)        | 02 OGOS 2025            |
| 2. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (PSYCHOLOGY) KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2025/JULI/01/KKS                             | KEMENTERIAN KESIHATAN   | 14         | 7(a)        | 02 OGOS 2025            |
| 3. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (PODIATRY) KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2025/JUN/04/KKS                                | KEMENTERIAN KESIHATAN   | 06         | 7(a)        | 02 OGOS 2025            |

PERINGATAN:  
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".  
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.  
3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400**  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

# MEMPERKUKUH KERJASAMA SERANTAU DALAM BIDANG FALAK, PERKONGSIAN ILMU

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA,** Rabu, 23 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jawatankuasa Teknikal Falak Syarie NBD telah menghadiri Muzakarah Falak Peringkat MABIMS Tahun 2025 dan Forum Perdana Hal Ehwal Islam Khas Falak yang berlangsung selama lima hari mulai 22 hingga 26 Julai 2025 bertempat di Hotel Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

Delegasi NBD ke muzakarah tersebut diwakili oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim; Pemangku Juruukur Kanan, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Khairul Abidin bin Haji Sulaiman; Pegawai Ugama,

Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Mohd. Hairul Azerin bin Haji Mohd. Jaya; Pegawai Ugama, Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, JPM, Awang Haji Abdul Muhaimin bin Haji Damit; dan Imam Tingkat III, Masjid Sungai Liang, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Muhammad Zulhilmi bin Mohd. Jefri @ Mohammad Zull.

Muzakarah tersebut merupakan platform penting bagi menyelaras pendekatan metodologi cerapan dan penetapan takwim Hijrah antara Negara Anggota MABIMS, yang terdiri dari NBD, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura.

Seramai 80 peserta terdiri daripada pakar-pakar falak, ilmuhan syariah serta pegawai teknikal dari Negara Anggota MABIMS

**DELEGASI** Negara Brunei Darussalam semasa sesi bergambar ramai pada Muzakarah Falak Peringkat MABIMS Tahun 2025 dan Forum Perdana Hal Ehwal Islam Khas Falak.

menghadiri muzakarah tersebut.

Pelbagai isu semasa berkaitan falak, termasuk perkembangan teknologi cerapan dan implikasi hukum syarak, dibincangkan sepanjang muzakarah tersebut.

Delegasi NBD juga diberikan penghormatan untuk membentangkan kertas kerja pada muzakarah tersebut, sekali gus menyumbang kepada pemerkasa ilmu falak dan kefahaman bersama dalam kalangan Negara Anggota MABIMS.

Selain itu, delegasi NBD turut menyertai Forum Perdana Hal Ehwal Islam Khas (Falak), yang



menjadi salah satu acara utama sepanjang program tersebut.

Penyertaan dalam forum tersebut mencerminkan komitmen berterusan NBD dalam

memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang falak serta perkongsian ilmu bersama masyarakat umum dan para cendekiawan Islam serantau.

## Jerayawara tingkatkan pemahaman bidang perakaunan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi



**ANTARA** pelajar-pelajar yang menyertai jerayawara tersebut yang bertempat di Student Learning and Service Centre, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (atas dan atas sekali).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Julai. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) telah mengadakan Jerayawara Mengenai Profesion Perakaunan bertempat di Student Learning and Service Centre

(SLSC), Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Jerayawara ini disasarkan kepada para pelajar institusi berkenaan, dengan tujuan memberikan pendedahan awal terhadap profesion, memupuk minat, serta menggalakkan mereka untuk mula

merancang laluan akademik ke arah kerjaya dalam bidang perakaunan selepas tamat pengajian.

Program ini menampilkan sesi perkongsian oleh Pengarah Akademi BICPA, Dayang Adeline Lau Pik Wen yang berkongsi tentang pengalaman dan perjalanan profesionalnya.

Beliau turut menekankan pentingnya memperoleh kualifikasi yang diakui secara global seperti Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), serta memberikan gambaran tentang pelbagai peluang kerjaya dalam profesion ini termasuk sebagai juruaudit, penasihat cukai, penganalisa kewangan dan pakar

runding.

Di samping sesi perkongsian, para pelajar turut menyertai aktiviti interaktif yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai bidang perakaunan, diikuti dengan sesi soal jawab yang memberikan ruang interaksi dan penjelasan lanjut mengenai topik yang dibincangkan.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian dan BICPA untuk mempromosikan profesion perakaunan serta menyokong pembangunan bakat masa depan dalam sektor kewangan dan perkhidmatan profesional di Negara Brunei Darussalam.

## CAR AUCTION 2025

**1998 MERCEDES S-CLASS (W140)  
1997 DAIMLER DOUBLE SIX V12**

**Tarikh:**

**21 Julai 2025 – 02 Ogos 2025**

**Tempat:**

**Rimba Depot  
Jalan Dang Kumala Kampong Rimba**

**Waktu bagi melihat kenderaan dan menghadapakan tawaran:**

|                      |                                                             |
|----------------------|-------------------------------------------------------------|
| <b>Isnin - Sabtu</b> | <b>9:00 Pagi – 11:00 Pagi<br/>2:00 Petang – 4:00 Petang</b> |
| <b>Jumaat</b>        | <b>9:00 Pagi – 11:00 Pagi<br/>2:00 Petang – 4:00 Petang</b> |
| <b>Ahad</b>          | <b>TUTUP</b>                                                |

**Tarikh Tutup: 02 Ogos 2025 @ 4.00 Petang**

**Borang Tawaran: \$20.00 (Tidak Dikembalikan)  
Pembayaran melalui Debit/Kredit Sahaja**

# OPERASI WASPADA KESAN PELBAGAI KESALAHAN



SEKITAR Operasi Waspada 143 / 2025 yang telah dijalankan di Kampung Bengkurong pada 21 Julai 2025 (kiri dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Julai. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 143 / 2025 di Kampung Bengkurong pada 21 Julai 2025 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para

majikan. Pemeriksaan ke atas kegiatan pembekal barang-barang binaan telah mendapati sebanyak lima kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 10, majikan tidak menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis dan

Bab 86, tempat kegiatan bukan di tempat yang diisytiharkan dan dibenarkan oleh Jabatan Buruh. Manakala tiga kesalahan dilakukan di bawah Bab 112 iaitu Bab 112(2), menggaji pekerja asing tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh yang mana majikan didapati menggaji tiga pekerja asing jaminan syarikat lain dan Bab

112(2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing yang mana pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan pekerja binaan melakukan pekerjaan sebagai penjaga stor dan majikan yang menjamin gagal memberikan pekerjaan.

## Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 memberikan kontrak perkhidmatan secara bertulis kepada pekerja, mengisytiharkan tempat kegiatan ke Jabatan Buruh, tidak menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain dan memberikan pekerjaan kepada pekerja-pekerja di bawah jaminan selaras dengan jawatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh.

Untuk maklumat lanjut bolehlah menghubungi Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

## Timba pengalaman, mempelajari kebudayaan antarabangsa



DAYANG Noorussa'adah Haji Abdul Rani, pelajar Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama rakan-rakannya dari pelbagai negara.

### Siaran Akhbar dan Foto : Origin Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Julai. - Dayang Noorussa'adah Haji Abdul Rani, yang merupakan pelajar Negara Brunei Darussalam di Pusat Pengajian Falsafah Beijing Normal University (BNU) Philosophy Summer School) Ke-10 yang berprestij yang diadakan dari 10 hingga 23 Julai 2025 di Beijing, China.

Program yang dihoskan oleh

Pusat Pengajian Falsafah BNU ini merupakan satu inisiatif terkenal yang bertujuan menyediakan platform dinamik untuk sarjana muda luar negara untuk mendalami falsafah Cina, budaya tradisional dan tamadun moden.

Kini dalam tahun ke-10, Pusat Pengajian Falsafah BNU mengalu-alukan lebih 300 pelajar elit antarabangsa dari lebih 40 negara sejak penubuhannya.

Edisi tahun ini, bertemakan 'A Journey into Chinese Thought and Modern Civilization', menampilkan kurikulum intensif dua minggu yang merangkumi kuliah akademik, perbincangan meja bulat, pengalaman menyelami budaya dan lawatan ke tapak bersejarah seperti Tembok Besar China, The Forbidden City dan Wilayah Quzhou.

Pengalaman budaya lain termasuk upacara minum teh tradisional Cina, teknik

pengceapan tradisional, bengkel tembikar dan lawatan ke kuil Confucian, bandar purba dan muzium.

Dayang Noorussa'adah menyifatkan pengalaman itu sebagai perjalanan budaya yang mengasyikkan yang membuka matanya kepada kekayaan warisan, falsafah dan cara hidup orang Cina. Program ini padat tetapi benar-benar memberikan pengalaman pengembaraan sekali dalam seumur hidup. Ia mencabar

pemikiran dan memberi peluang untuk mencari identiti sendiri, dan memberi ruang untuk menghargai falsafah yang membentuk pemikiran Timur selama berabad-abad.

Sebagai peserta tunggal Brunei, Noorussa'adah menonjol bukan sahaja kerana rasa ingin tahu akademiknya tetapi juga kerana komitmennya terhadap pemahaman silang budaya. Beliau dicalonkan oleh Origin Brunei, di bawah saranan Qianli Bole Film and Television Culture Ltd. Co. yang berpangkalan di Beijing.

Penglibatan beliau dalam program itu menekankan minat yang semakin meningkat di kalangan belia Brunei untuk melibatkan diri dengan peluang akademik dan kebudayaan antarabangsa.

Sepanjang dua minggu itu, Dayang Noorussa'adah menyertai rakan-rakan dari pelbagai latar belakang budaya dalam pertukaran idea dan perspektif yang rancak. "Saya menjalin persahabatan dengan peserta dari seluruh dunia," kongsinya. "Walaupun saya satu-satunya warga Brunei, perjalanan itu mendekatkan kami semua. Ia mengingatkan saya bahawa rasa ingin tahu dan kebaikan adalah bahasa yang kita semua fahami".

Dengan aktiviti perayaan ulang tahun kesepuluhnya, BNU Philosophy Summer School terus memupuk platform yang lebih inklusif dan terbuka untuk pertukaran akademik dan budaya.

Dayang Noorussa'adah berharap penyertaannya akan memberi inspirasi kepada lebih ramai pelajar Brunei untuk mencari peluang pembelajaran global. "Program seperti ini boleh meluaskan pandangan dunia kita, mendalami pemahaman tentang budaya yang berbeza, dan menyediakan kita untuk kehidupan dalam dunia yang semakin saling berkaitan," tambahnya.

DAYANG Noorussa'adah semasa sesi perbincangan meja bulat dan seterusnya menyertai lawatan (kiri dan kiri sekali).



# Keindahan tersembunyi, sejarah terpelihara Brussels

Rencana dan Foto : Pg. Arsul Pg. Haji Abdul Momin, Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

**B**RUSSELS merupakan ibu kota Belgium dan kota ini mempunyai sejarahnya yang menarik sehingga ia menjadi salah satu ibu kota bagi Kesatuan Eropah ataupun European Union (EU) selain di Jerman dan juga Luxembourg. Namun di sebalik sejarahnya yang menarik, Brussels juga terkenal dengan keindahannya yang menawan seperti infrastrukturnya yang unik dan masih mengekalkan akan sentuhan sejarahnya.

Walaupun sebahagian lokasi di kota ini sudah mengalami perubahan ke arah lebih moden namun daripada pemerhatian para jurnalis yang mengikuti Program Brunei Darussalam Journalists' Visit to Brussels, kota ini masih dipengaruhi dengan sentuhan infrastruktur yang unik, bersejarah dan menarik.

Justeru, adalah menjadi satu kerugian jika peluang yang ada tidak dimanfaatkan untuk meneroka keindahan Brussels. Dengan berpanduan salah seorang jurnalis terkenal iaitu Derek Blyth. Beliau ialah seorang wartawan dan penulis warga British yang telah menetap di Brussels selama lebih 30 tahun dan telah menghasilkan beberapa buah buku berdasarkan keindahan tersembunyi Kota Brussels.

## Meneroka keindahan infrastruktur bersejarah

Dengan hanya berbekalkan kekuatan dan tenaga yang tinggi iaitu hanya berjalan kaki tanpa menggunakan sebarang pengangkutan, para jurnalis sangat menikmati perjalanan berharga tersebut

sambil menikmati penerangan daripada Derek Blyth mengenai beberapa tapak bersejarah yang tersembunyi di Brussels.

Lawatan ini menumpukan kepada The Revolutionary Belgian Constitution yang setentunya menawarkan cara yang unik untuk meneroka Brussels dari sudut sejarah politik, demokrasi dan identiti kebangsaan. Para jurnalis berpeluang menyaksikan sejarah-sejarah monumen yang berkaitan dengan kelahiran Belgium dan perkembangannya.

## Place de la Liberté

Place de la Liberté di Brussels adalah sebuah dataran bersejarah yang kaya dengan simbolisme politik dan budaya. Terletak berhampiran dengan Parlimen Belgium, dataran ini memainkan peranan penting dalam sejarah negara, mencerminkan semangat kebebasan dan demokrasi.

Dataran ini dibangunkan pada tahun 1874 selepas pemusnahan kawasan kelas pekerja Notre-Dame-aux-Neiges. Ia dinamakan 'Place de la Liberté' sebagai penghormatan kepada nilai-nilai kebebasan yang diperjuangkan semasa revolusi Belgium. Patung Charles Rogier, seorang tokoh penting dalam sejarah Belgium, didirikan di pusat dataran sebagai simbol perjuangan untuk kebebasan dan kemerdekaan negara.

Place de la Liberté bukan sahaja sebuah dataran, tetapi juga sebuah simbol hidup yang mengingatkan kita akan perjuangan untuk kebebasan dan nilai-nilai demokratik yang membentuk Belgium. Ia adalah tempat

di mana sejarah, alam, dan budaya bersatu, menawarkan peluang untuk refleksi dan penghargaan terhadap warisan negara.

## Tugu Peringatan Leopold II

Leopold II (1835 - 1909) ialah Raja Kedua Belgium, memerintah dari tahun 1865 sehingga kematiannya pada tahun 1909. Beliau merupakan tokoh yang kompleks dan kontroversial dalam sejarah Belgium dan dunia, dikenali kerana peranannya dalam memodenkan Belgium serta pemerintahan kolonialnya yang kejam ke atas Negeri Bebas Kongo.

Para jurnalis berpeluang menyaksikan tugu tersebut yang dikelilingi dengan taman yang menghijau dengan sentuhan pagar sekeliling yang menarik dan bersejarah.

## Place Royale

Dalam menelusuri keindahan Brussels yang bersejarah, para jurnalis juga berpeluang menyaksikan dengan lebih dekat Place Royale yang megah dan masih mengekalkan infrastruktur yang lama di mana seolah-olah ketika itu berada di zaman dahulu dengan lantai struktur yang berpetak-petak.

Place Royale (dalam bahasa Perancis) ialah sebuah dataran bersejarah yang terletak di pusat bandar Brussels, Belgium. Ia terkenal sebagai pusat seni, budaya, dan sejarah, serta merupakan tapak penting dalam perkembangan bandar dan negara.

## Mont des Arts

Mont des Arts (dalam bahasa Perancis) atau bermaksud 'Bukit Seni' ialah salah satu

kawasan paling ikonik untuk mengambil gambar kenangan di Brussels, terkenal dengan pemandangan bandar yang menakjubkan dan kepadatan institusi kebudayaannya. Terletak di antara Place Royale dan Gare Centrale (Stesen Pusat) dan ia menghubungkan kawasan atas bandar (bersejarah dan kerajaan) dengan kawasan bawah bandar (komersial).

Lokasi ini mencerminkan identiti kebudayaan dan seni Belgium, menggabungkan warisan sejarah dan ekspresi moden serta ia juga simbol transformasi Brussels daripada kawasan zaman pertengahan kepada pusat diplomatik dan seni moden.

## Grand Place

Akhir sekali, para jurnalis berpeluang menjejakkan kaki ke Grand Place iaitu dataran utama Brussels dan salah satu lokasi paling terkenal di Belgium malah dianggap antara dataran tercantik di dunia. Ia merupakan tapak Warisan Dunia UNESCO sejak tahun 1998 dan menjadi simbol penting dalam sejarah, seni bina, dan kehidupan sosial bandar ini.

Tapak ini pada mulanya adalah pasar terbuka sejak abad ke-11 kemudian dibangunkan sebagai pusat perdagangan dengan dewan bandar (Hôtel de Ville) dan rumah-rumah persatuan perniagaan (*guild houses*). Grand Place bukan sekadar tarikan pelancong akan tetapi ia adalah nadi sejarah dan jiwa Brussels, tempat di mana seni bina, kuasa, dan kehidupan bandar bersatu dengan cara yang luar biasa.



# Peluang kedua

**Oleh : Dianbunga**  
**Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif,**  
**Bahagian Pelita Brunei**

**S**ETIAP perhubungan tentu akan menghadapi hujan, badai dan melihat pelangi. Terpulang bagaimana kita mendayung kapal dalam aliran hubungan itu. Tetapi, bukan semua perhubungan akan berakhir dengan keindahan. Kadang cerita cinta, tidak mesti berakhir dengan pengakhiran yang indah. Sesetengah cerita cinta, lebih baik berakhir dengan pengorbanan sebagai tanda cinta.

Anna dan Iqbal telah lama berkawan, berkawan dari sekolah menengah dan akhirnya jatuh cinta ketika berjumpa kembali di universiti. Iqbal adalah seorang teman lelaki yang baik, selalu menemani hari-harinya dan memberi sokongan terhadap apa sahaja yang ingin dilakukan oleh Anna.

Cuaca tidak selalunya cerah. Begitulah cerita cinta.

"Anna, auntie jumpa ani, kan bagitau Anna. Auntie bukan *inda mau* Anna kahwin sama Iqbal. Auntie sebenarnya sudah ada pilihan untuk Iqbal. Anak kawan auntie suka kan Iqbal. Keluarganya pun baik arah auntie. Banyak tolong auntie. *Galat* auntie kan becakap inda. Anna, auntie minta maaf, tapi auntie harap Anna faham." Ayat tersebut cukup memberi gambaran bahawa Anna bukan bakal menantu pilihan dan hanya sekadar gadis pilihan. Bagai tersedar dari mimpi, Anna mulai memahami maksud tersirat ibu Iqbal. Abang-abang dan kakak Iqbal semuanya berkelulusan sarjana muda, dan pasangan mereka terdiri dari golongan berada sedangkan Anna hanya dari kalangan orang-orang biasa.

"Kenapa Anna? Batah jua sudah *tani* sama-sama. *We plan* sudah kan kahwin kan? *All I need now is just time Anna. Don't tell me you still insist to leave?* Can you let me know why?"

"Anna *inda* dapat, Iqbal, I've told you. It's not you. It's me. I just don't feel the spark anymore. I think we are better by ourselves. I am so sorry." balas Anna dalam getar sambil matanya memandang ke luar kafe. Iqbal tidak faham mengapa Anna berubah akhir-akhir ini sedangkan mereka sudah merancang bermacam-macam idea untuk berkahwin.

Anna berdiri dan meninggalkan Iqbal berseorangan di kafe itu. Anna meluru ke keretanya dengan tangisan. Walaupun hatinya sudah tawar, kenangan bersama Iqbal amatlah berharga baginya. Anna membuka radio dan memandu tanpa hala tuju.

Dua tahun selepas itu, Anna mendengar perkhbaran bahawa Iqbal sudah menikah dengan gadis pilihan ibunya, Raihana. Hati Anna remuk dan itu membuatnya membawa diri dan memutuskan untuk bekerja bagi mengisi hari-harinya. Anna menjadi seorang yang *workaholic* dan selalu sibuk. Anna berharap Iqbal telah menemui pilihan yang tepat dan ibunya berpuas hati.

Anna masuk ke pejabat seperti biasa. Hari ini, bos yang baharu akan menggantikan Haji Idham. Anna berharap bosnya yang baharu ini sama dengan Haji Idham yang sangat baik kepadanya.

"Semua staf diarahkan ke bilik mesyuarat 3 untuk sesi pengenalan kerana bos baharu akan mula bekerja pada hari ini." telefon bimbitnya menerima teks masuk. Anna beredar ke Bilik Mesyuarat 3 dan duduk di sebelah Hareesya, kawannya yang suka membebel.

Anna sibuk menaip menggunakan telefon bimbitnya kerana adiknya Huwaina akan balik dari Kuala Lumpur dan ingin menumpang tinggal di rumahnya sementara menunggu ayah dan ibu Anna pulang dari ibadah haji. Tanpa sedar, rupa-rupanya bos baharu Anna sudah pun duduk di sebelahnya. Anna berhenti menaip dan menoleh ke kanan. Menyirap dan menggigil Anna melihat bosnya. Iqbal Muiz, bekas kekasihnya. Oh tidak mungkin. Anna terkesima.

"Anna.... Hensem kah bos baharu itu Anna? Bapa anak satu sudah tu Anna." sergah Hareesya. Iqbal tidak bereaksi apa-apa dan hanya duduk dan melihat Anna.

Tuan Idham masuk ke bilik mesyuarat dan berdiri sebelah bos baharu memecah suasana janggal di antara Anna dan Iqbal.

"Baiklah semua, please pay attention. Welcoming Tuan Iqbal Muiz, yang akan menggantikan saya setelah pencen minggu dapan. Please welcome him." Semua pekerja memberi tepukan sebagai tanda penerimaan.

"Thank you Haji Idham and thank you everyone." Anna melirik ke arah Iqbal dan berharap semua ini hanya mimpi.

Anna bergegas meninggalkan bilik mesyuarat dan terus meluru ke mejanya. Peluh dingin mulai timbul di dahinya. Tidak pernah ada terlintas dalam fikirannya akan berjumpa seseorang yang disayangnya suatu ketika dahulu, apatah lagi sebagai atasannya.

"Anna, okay kau kah? Diam banar jua kau masa jumpa bos tadi? *Ex* mu kah?" sakat Hareesya.

Anna mengecilkan matanya memandang Hareesya. Bagaikan faham dengan kelakuan Anna, mata Hareesya menunjukkan rasa terkejut.

"I know Hareesya. *Cemana* ni? Tolong please.. *Beranti* saja kali ah? Malu eh" bisik ku.

"*Labih-labih* ni.. *Ex* jua saja. *Biartia*. Buat-buat *inda tau* saja. *By the way, iatah* ku kemari ini. *Ex* mu memanggil. Eh bos memanggil." Si Hareesya ani, mulut nada insurans, detik hati Anna.

Anna mengetuk pintu bilik bos. "Assalamualaikum bos, ada apa-apa I can help you with?". Iqbal menyuruhnya duduk di kerusi hadapannya.

"Anna, it is good to see you. I am really glad and happy to see you. How are you?" girang suaranya di telingaku.

"I am great, Tuan Iqbal". "Kenapa tuan-tuan ani. Iqbal saja if it is only two of us."

"Sempat lagi berjual minyak bos ani. *Inda* kali ya ingat ia itu anak satu." desis hati Anna.

"I am comfortable to maintain professionalism in and out of office, Tuan Iqbal. Kalau *nada* papa lagi, saya balik ke meja saya ah? Thank you Tuan." aku bergegas meninggalkan Iqbal.

Aku *indakan* sekali-kali merampas hak orang. Never. Apatah lagi masuk lagi semula ke keluarga *atu*. Bukan sebagai menantu pilihan. Seram.

Seminggu kemudian, aku mengambil cuti untuk menenangkan fikiran. Hari pertama aku bercuti, aku sudah mulai bosan. Aku membuat sarapan untukku dan adikku Huwaina. Aku bahkan menceritakan tentang Iqbal kepada Huwaina dan dia pun terkejut.

Aku berbaring di atas katil. Hujung minggu begini selalunya aku akan membawa ibu dan ayahku ke Tamu Kianggeh. Bagaikan tahu isi hatiku, telefon bimbitku berbunyi. Tertera nama ibu bertanya khabarku melalui teks dan menghantar gambar mereka di hadapan Kaabah. "Waalaikumsalam ibu.. Ibu ayah okay sana? Anna rindu. Huwaina sama Anna masa ani. Ibu ayah jaga diri, enjoy your haji and doakan Anna okay?" Ibu membalas mesej ku sejurus selepas aku membalas mesejnya. "Ibu ayah doakan Anna berjaya, dilindungi dan paling penting, semoga Anna jumpa kebahagiaan Anna dan Allah bagi jodoh sesegera mungkin."

Ke situ pula ibu ayah ani. Tiba-tiba telefonku berbunyi lagi. Tanpa melihat skrin, aku mengangkatnya. "Assalamualaikum ibu, kenapa ibu?" "Waalaikumsalam Anna, Iqbal ni". Aku temangu.

Di kafe di mana perhubungan kami berakhir, sekali lagi kami bertentang mata. Aku tekad. Aku akan menjelaskan pada Iqbal untuk bersikap profesional dan melupakan apa yang pernah terjadi antara kami. Titik. Noktah. Semua mesti settle sebelum habis cutiku.

"Two iced spanish latte, and one fruit pudding." Iqbal membuat pesanan. Masih ingat akan menu yang selalu ku pesan.

"Tuan Iqbal, strictly speaking, I am not comfortable. But for the sake of work, can we pretend that we never know each other before? Lama sudah. I feel awkward and I don't think it's necessary to look back at our past." celahku.

"Anna, the reason today kitani bejumpa is to clear the air. You left me before. I got married. I moved on. But I am telling you this. I was never happy. It was mom's choice. I was so mad yet too hurt since I cannot reach you by any means. Kenapa Anna? Kenapa *inda* bagitau what my mom plan? Kenapa you leave me hanging and thinking that you are the bad girl back then?" Aku terdiam lagi dan mengeluh.

"It's not important, Tuan Iqbal. Our relationship lama sudah terputus. We moved on. You were never happy, but you followed your mom's choice and ada anak right? That means you are happy. Tepuk sebelah tangan *inda* akan bebunyi Tuan Iqbal."

Iqbal tersenyum. "Eh senyum *tia* ia ani? Buang tabiatkah? So you do know my story and my recent updates, Anna?"

Tersedar akan kekeluparanku berbicara, aku menutup mulutku. "Manada. *Atu* Hareesya bagitau masa introduction hari *atu*. I will never stalk someone's husband. Who do you think you are? Artist?" jawabku.



"Well, almost an artist, my dear. Artist kan banyak kes-kes mahkamah masa ani. I got divorced by my wife's decision. She was never happy. I mean maybe we try to be a normal, happy family in the beginning. But at the end of the day, all of it was fake and now she is with someone else."

Aku terdiam lagi. Perasaan simpatiku mula berputik.

"Well, so sorry for that. But what exactly you want, kan bejumpa ani?"

"Anna, I wanted to say sorry. On behalf of my mom jua. My mom and I keep on looking for you after my divorce. I think she now understand that not everything that she plan will works best for her children. I still love you, Anna. I still want us, the happy us. I understand why you left me, but it is still unfair to me if you think about it."

"No Tuan Iqbal. My decision is firm" tegasku. "Is it because I am now a duda? With a son on top of that? You don't like a duda, Anna?"

"Be you duda anak sepuluh, that won't be a problem to me. The problem is that, I've healed and I don't want to come back to you, Iqbal."

"Anna, think about it. *Cemani* saja. Give me a chance to make it fair. Seven dates and after that if you still firm with your decision, I will accept and I will apply for work transfer."

Good deal. No one will be harmed I guess. Aku pun setuju. Wah. Semudah ABC hatiku luluh.

Kami meluangkan masa bersama-sama setelah perjumpaan itu. Menjalani hari-hari dengannya menyedarkan aku bahawa aku masih menyayangnya. Kami hanya mangsa keadaan dan kami berdua pada masa itu mungkin tidak cukup berjuang untuk hak kami. Aku tidak menyesal meninggalkannya, kerana aku juga tidak mahu hubungannya bersama ibunya akan dingin disebabkan aku. Aku juga dibawa untuk berjumpa ibunya. Ibunya memelukku erat dan meminta maaf atas kelakuannya. Iqbal dan aku mulai rapat dan aku perlahan-lahan memaafkan dirinya. Mungkin ini doa ibu ayahku.

Iqbal terpaksa pergi ke Kuala Lumpur beberapa hari untuk menguruskan pekerjaan. Jarang dirinya bertanya khabarku bila berada di sana. Mungkin sibuk. Aku mulai ragu-ragu.

Seminggu, dua minggu, masih belum menerima apa apa pesanan dari Iqbal. Hatiku mulai gusar. Adakah aku hanya permainan baginya?

Hari ini, ibu dan ayah baru pulang dari ibadah haji. Ketika makan malam, ibu dan ayah bertanya tentang hubunganku dan Iqbal. Aku sampai tersedak mendengar soalan dari mereka sambil menjegilkan matakku tajam kepada Huwaina. *Inda* dapat diharap.

"Anna sama Iqbal kawan saja balik. Iqbal bos Anna. *Atu* saja."

Ibu seakan tidak bersetuju dengan keputusanku kali ini. "Ibu bukan apa. Ibu takut Anna kecewa lagi." Ayah tidak berkata apa-apa. "Anna, ayah *inda* kira. Lusa, ada orang meminang Anna. Keputusan ayah muktamad." Aku terdiam. Rasa memberontak.

Lusanya, aku fikir ayah dan ibu hanya berjenaka. Aku keluar dari bilik, berbaju kelawar dan dengan berus gigi di mulut, terkejut dengan riuh rendah rumahku. Tiba-tiba mak andam segera menolakku ke dalam dan menyuruh aku

menukar baju. Aku dimekapkan dan ditata rias dengan rapi. Aku berharap semua ini hanya mimpi. Iqbal. *Where are you when I need you? Are you leaving me this time? Are all these dendammu arahku?* Bentak hatiku.

Aku diiringi ibu untuk keluar dan duduk di pelaminan setelah aku bersedia. Aku berasa lemah dan tidak lagi terfikir akan apa yang aku dapat lakukan untuk menghentikan semua ini. Hatiku hancur lagi sekali. *I should not give him a second chance.*

Without knowing who my fiance is, majlis berjalan dengan lancar. Pemikiran ku melayang sepanjang majlis. Hancur hatiku sehancur-hancurnya.

Aku tidak mendengar akan perundingan ibu ayah di luar dengan pihak sebelah sana kerana pelaminan disimpan di ruang tamu dan mereka di ruangan tengah.

Tiba-tiba, kelibat yang sangat ku kenali berdiri di pintu ruang tamu. Iqbal! Iqbal dan ibunya tersenyum melihat aku yang sugul di pelaminan. Rupa-rupanya, Iqbal yang datang meminang. Aku adalah tunangan Iqbal Muiz. Masih terpinga-pinga dengan apa yang terjadi, ibunya menyalur cincin ke jari manisku dan kami sibuk dengan bergambar-gambar sehingga tetamu beransur pulang.

Ibu Iqbal dan ibu ayahku masih bercerita di ruang tamu manakala aku dan Iqbal duduk di luar rumah. "Iqbal ke mana? Suka lah ni main-mainkan Anna? Kenapa *inda* balas mesej Anna? Hati Anna ani sikit lagi hancur lagi sekali oleh Iqbal. You are selfish." marahku.

"Anna, it's not me. Iqbal ikut saja apa parents Anna mahu. Kan surprisekan Anna. Actually, I didn't go to Kuala Lumpur. I went to Mekah. Jumpa parents Anna di sana. Iqbal umrah terus. Mohon doa, istikharah dan petunjuk. Semoga perkahwinan kali ani sampai, kekal dan Iqbal *inda* mahu Iqbal saja yang happy, Iqbal mau Anna pun happy dan ikhlas menerima Iqbal. So, I went to see your parents and make the preparation earlier. At first, they are surprised. They of course hesitate. But I managed to convinced them and here we are."

"Banyaklah akal you Iqbal. Next time, please consult me first regardless what the plan is." aku tersenyum kecil. Pandai jua ibu ayah komplot. Iqbal is still the old Iqbal. Penuh dengan kejutan.

"Senyum lah tu. *Cematu* tah. So what's next, princess? My son is looking forward for our marriage." sengih Iqbal sambil memeluk Ihsan, anaknya yang berumur setahun lebih. "Pandai membongak. Come Ihsan, lets leave daddy behind."

"Aik princess mommy, next month we kahwin okay?" tersengih lagi exku yang kini tunanganku.

Hidup sungguh penuh dengan kejutan. Kadang kadang bagaikan novel. Cliche. Tapi benar belaka. Aku berharap peluang kedua ini adalah peluang terakhir dan kekal selamanya. Doa ibu ayah makbul. Bukan sahaja jodoh bermenantu, cucu instan pun ada. *Two in one*. Aku memandang Iqbal dan Ihsan penuh rasa syukur dan cinta. Alhamdulillah ya Allah. Semoga ini yang terbaik untuk kami berdua. Semoga kami berdua mampu menghadapi apa sahaja ujian yang mendatang selepas ini tanpa melayan ego dan berahsia.

# LETAK KAMERA DALAM BILIK AIR, LELAKI TEMPATAN DIPENJARA

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Julai. - Seorang lelaki tempatan dijatuhkan hukuman penjara lapan bulan setelah mengaku bersalah memasang kamera tersembunyi di bilik air pejabatnya dengan niat untuk melihat perbuatan rakan sekerja tanpa pengetahuannya.

Defendan, Mohamad Azzan Safwan bin Dato Paduka Haji Sidek, 30 tahun, mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan terhadap satu pertuduhan di bawah Bab 377 H (4) dari Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22, yang menjadikan pemasangan peralatan sebagai satu kesalahan bagi tujuan

melakukan perbuatan voyeurisme.

Majistret, Qamarul Affyian bin Abdul Rahman mendengar fakta yang dikemukakan oleh pihak pendakwa raya bahawa kejadian berlaku pada 25 Oktober 2023 di premis pejabat defendan di Bandar Seri Begawan.

Defendan yang memiliki dan menguruskan perniagaan tersebut telah meletakkan telefon bimbit di dalam bilik air pejabat, disembunyikan di bawah sehelai kain hitam, dengan menghalakan lensa kamera ke arah mangkuk tandas. Defendan mengaktifkan fungsi rakaman dan kemudian meninggalkan bilik.

Tidak lama kemudian, seorang pelajar latihan perempuan berusia 20 tahun memasuki bilik air dan terlihat alat tersebut. Dia kemudian membuat laporan polis. Siasatan mengesahkan bahawa telefon bimbit itu milik defendan dan dia mengaku meletakkannya di tempat itu bagi



■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

tujuan mendapatkan kepuasan seksual.

Mahkamah memerintahkan supaya hukuman defendan bermula pada tarikh defendan disabitkan iaitu 17 Julai 2025.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri Kiprawi hadir bagi pihak Pendakwa Raya, manakala Brandon Chin Mssrs, Yusof Halim & Partners mewakili defendan.

**DEFENDAN yang memiliki dan menguruskan perniagaan tersebut telah meletakkan telefon bimbit di dalam bilik air pejabat, disembunyikan di bawah sehelai kain hitam, dengan menghalakan lensa kamera ke arah mangkuk tandas. Defendan mengaktifkan fungsi rakaman dan kemudian meninggalkan bilik.**

**Tidak lama kemudian, seorang pelajar latihan perempuan berusia 20 tahun memasuki bilik air dan terlihat alat tersebut. Dia kemudian membuat laporan polis. Siasatan mengesahkan bahawa telefon bimbit itu milik defendan dan dia mengaku meletakkannya di tempat itu bagi tujuan mendapatkan kepuasan seksual.**

## Simpan harta curi : Lelaki tempatan dipenjara 7 bulan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Julai. - Seorang lelaki warga tempatan didakwa di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas satu pertuduhan menyimpan harta curi.

Defendan, Abdul Muhimin bin Puspawar, 34 tahun mengaku bersalah di hadapan Majistret, Abdul 'Azim bin Othman. Defendan dijatuhkan hukuman penjara tujuh bulan atas pertuduhan menyimpan satu jenama TCL Android Television bersaiz 65 inci pada 19 April 2025 di Kampung Mata-Mata.

Mengikut pertuduhan, defendan telah didatangi oleh individu yang menawarkan untuk menjual satu jenama TCL Android Television bersaiz 65 inci (TV tersebut) kepada defendan dengan harga BND40.

Dalam masa yang sama, individu tersebut memberitahu defendan bahawa TV tersebut adalah 'barang panas' yang difahami oleh defendan sebagai barang curi.

Walaupun mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa TV tersebut adalah barang curi, defendan tetap bersetuju untuk membeli barang tersebut dengan

harga BND40 dengan niat untuk menjualnya semula dengan harga yang lebih tinggi.

Bagi meneruskan niat tersebut, pada 20 April 2025, kira-kira pukul 6.00 petang, defendan telah pergi ke rumah rakannya yang dikenali sebagai Awang Haji untuk menawarkan TV tersebut dengan harga BND100.

Dalam masa yang sama, seorang lagi bernama X turut hadir untuk menyaksikan proses jual beli tersebut dan mendapati TV tersebut yang dicuri. Awang X telah memaklumkan perkara ini kepada Awang Haji dan kemudiannya menolak tawaran defendan untuk membeli TV tersebut dan menghubungi polis yang kemudiannya tiba dan menahan defendan.

Menurut siasatan polis, pada 20 April 2025, kira-kira pukul 9.00 pagi, pengadu pergi ke rumahnya yang tidak berpenghuni di Kampung Mata-Mata dan mendapati rumah itu telah dipecah masuk.

Setelah memeriksa rumah tersebut, pengadu mendapati satu jenama TCL Android Television bersaiz 65 inci; satu pembesar suara bluetooth; satu

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Julai. - Mahkamah Majistret telah mensabitkan bekas Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan) di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) atas kesalahan salah laku dalam jawatan awam yang bertentangan dengan Bab 12B Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.

Wardi bin Haji Mohammad Ali telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan) di KSSUP pada 19 November 2015 dan terus berkhidmat sehingga beliau digantung tugas pada bulan Februari 2021.

Defendan didapati bersalah kerana dengan sengaja melakukan salah laku dengan menunjukkan sikap atau berterusan bersikap memihak kepada dua buah hotel tersebut sebagai balasan kerana dibenarkan tidak membuat pembayaran segera semasa mendaftar keluar.

Salah laku tersebut merupakan satu penyalahgunaan kepercayaan orang ramai terhadap kedudukan beliau sebagai Timbalan Setiausaha Tetap. Siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati bahawa salah laku itu berlaku antara 18 Jun 2020 dan 23 Februari 2021 yang mengakibatkan jumlah invois tertunggak yang terkumpul sebanyak kira-kira BND5,000.

Majistret Kanan, Azrimah binti Haji Abdul Rahman mendapati salah laku tersebut dilakukan dalam tempoh atau berhubung dengan jawatan

defendan kerana beliau mempunyai kuasa pemantauan terhadap industri pelancongan termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan pengusaha hotel.

Defendan menegaskan bahawa dia telah memeterai perjanjian jangka kredit dengan hotel-hotel dan wujud jangkaan untuk membuat pembayaran antara mereka.

Walaupun bagaimanapun, saksi yang dipanggil oleh pendakwaan memberi keterangan bahawa kedudukan beliau merupakan suatu pertimbangan dalam keputusan mereka untuk membenarkannya menanggungkan pembayaran.

Walaupun defendan mendakwa pengaturannya ini adalah semata-mata transaksi komersial biasa dan keterangan yang dikemukakan menunjukkan sebaliknya.

Kes pendakwaan diperkuatkan lagi dengan mesej teks antara defendan dan pemilik-pemilik hotel yang menunjukkan keadaan minda defendan dan sikapnya yang memihak kepada hotel-hotel itu.

Defendan selanjutnya didapati bersalah dengan sengaja menyalahgunakan amanah orang ramai dengan mencemarkan nama baik pejabat awamnya dengan membenarkan syarikat pengurusan acara memindahkan dana ke dalam akaun bank peribadinya pada tiga kali berasingan.

Syarikat pengurusan acara itu menganjurkan acara dengan kerjasama KSSUP yang dikendalikan di bawah

tanggungjawab defendan.

Majistret Kanan membuat kesimpulan bahawa tindakan defendan adalah disengajakan tanpa justifikasi munasabah dan menunjukkan penyalahgunaan kuasa yang serius. Kegagalan beliau untuk bertindak secara telus dan mengikut prinsip tadbir urus yang baik menghakis integriti institusi.

Dalam semua keadaan, mahkamah mendapati bahawa salah laku defendan menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap pejabatnya dan jauh di bawah piawaian yang diharapkan daripada pegawai kanan awam.

Keputusannya untuk berdiam diri apabila diajak memberi pembelaannya memperkukuh bahawa tiada penjelasan atau alasan munasabah untuk salah lakunya.

Setelah mensabitkan kesalahan defendan dan mendapati bahawa tiada sebab luar biasa untuk terus memberikan jaminan kepadanya, jaminan defendan telah dibatalkan.

Defendan dijadualkan untuk hadir di Mahkamah sekali lagi pada 30 Julai 2025 untuk hujahan pendakwaan mengenai hukuman. Defendan berdepan hukuman denda sehingga BND30,000 dan / atau penjara sehingga tujuh tahun.

Perbicaraan telah dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Dayangku Didi-Nuraza binti Pengiran Abdul Latiff, Hajah Siti Mu'izzah binti Haji Sabli dan Jordan Tiah Teck Chiun bagi pihak Pendakwa Raya. Defendan diwakili oleh Yusof Halim & Partners, Advocates & Solicitors.

beg tangan dan satu bakul pakaian telah hilang.

Semasa siasatan polis dijalankan, defendan mengaku cuba menjual TV tersebut

walaupun mempunyai pengetahuan atau alasan untuk mempercayai bahawa TV tersebut adalah harta curi.

Dalam rekod, defendan

mempunyai beberapa sabitan terdahulu. Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Hanan bin Haji Erwan.

# BMW BRILLIANCE, CHINA DATANG BINA RANTAIAN NILAI AUTOMOTIF LESTARI



**SHENYANG, 25 Julai.** - BMW Brilliance Automotive Ltd. dan China Datang Corporation Ltd. menandatangani perjanjian kerjasama strategik pada Khamis bagi membina rantaian nilai automotif hijau, menerusi penubuhan sebuah usaha sama baharu dalam bidang tenaga boleh diperbaharui.

Kerjasama ini menjadikan BMW Brilliance sebagai pengeluar kereta pertama di Republik Rakyat China yang menubuhkan usaha sama tenaga elektrik hijau.

Usaha sama tersebut akan membangunkan projek tenaga angin darat berkapasiti 1 gigawatt, sekaligus meletakkan BMW Brilliance di barisan hadapan

dalam penjana tenaga boleh diperbaharui di Republik Rakyat China.

Menurut BMW Brilliance, tenaga hijau daripada projek ini akan mula membekalkan elektrik berkualiti tinggi dan stabil ke kilang pengeluaran BMW di Shenyang, sebelum diperluas kepada pembekal, pengedar dan pengendali perkhidmatan pengecasan di wilayah Liaoning menerusi pelbagai pilihan pembelian yang fleksibel.

Langkah ini sejajar dengan dasar mesra alam Republik Rakyat China yang kini giat memperluas kapasiti tenaga hijau dan mempermudah perdagangan tenaga boleh diperbaharui.

Ketika ini, kilang BMW Brilliance di Shenyang serta 36 tapak bukan pengeluaran (*non-production*) sudah pun beroperasi 100 peratus menggunakan tenaga boleh diperbaharui. Pada tahun 2024, sekitar 200 pembekal peringkat pertama tempatan turut komited menghasilkan komponen BMW menggunakan elektrik hijau, menyumbang kepada

pengurangan pelepasan karbon rantaian bekalan sebanyak kira-kira 1 juta tan berbanding tahun 2019.

BMW Brilliance Automotive Ltd. ialah usaha sama BMW di Republik Rakyat China yang berpangkalan di Shenyang, Wilayah Liaoning, timur laut China. - ©XINHUA



**KERETA elektrik BMW i3 dipamerkan di Loji Lydia milik BMW Brilliance Automotive (BBA) di Daerah Tiexi, Shenyang, Wilayah Liaoning, timur laut China. (Xinhua/Yang Qing).**

## Ketua PBB gesa Thailand, Kemboja ambil tindakan berhemah

**NEW YORK, 25 Julai.** - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres menggesa Thailand dan Kemboja supaya menahan diri sepenuhnya, kata seorang jurucakap PBB pada Khamis, lapor Xinhua.

"Setiausaha Agung mengikuti dengan penuh kebimbangan laporan mengenai pertempuran bersenjata di sempadan Kemboja dan Thailand.

"Setiausaha Agung menggesa kedua-dua pihak supaya menahan diri sepenuhnya dan menangani sebarang isu menerusi dialog dalam semangat kejiranan yang baik, bagi mencari penyelesaian yang berkeadilan terhadap pertikaian itu," kata Timbalan Jurucakap Ketua PBB, Farhan Haq pada taklimat harian.

Kedua-dua pihak saling menuduh antara satu sama lain susulan situasi yang semakin meruncing itu dengan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet menggesa Majlis Keselamatan PBB mengadakan mesyuarat tergepang bagi membincangkan perkara itu. - ©BERNAMA

## Setiausaha Perbendaharaan AS : Hasil tarif cecah AS\$100 bilion

**WASHINGTON, 23 Julai.** - Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini telah mengutip hasil tarif hampir AS\$100 bilion, kata Setiausaha Perbendaharaan, Scott Bessent pada Selasa, lapor agensi berita Jerman, dpa.

"Kita hampir mencecah AS\$100 bilion. Saya percaya kita boleh mencapai kutipan tahunan sebanyak AS\$300 bilion," katanya dalam satu temu bual dengan penyiar AS, Fox Business ketika ditanya mengenai jumlah semasa hasil tarif.

Bessent sebelum ini pernah mencadangkan kemungkinan untuk mencapai jumlah kutipan sebanyak AS\$300 bilion menjelang akhir tahun ini. Bagaimanapun, masih tidak jelas tempoh masa khusus yang dirujuk oleh Bessent berhubung angka kutipan hampir AS\$100 bilion itu.

Setiausaha itu menekankan bahawa hasil kutipan tarif telah meningkat pada Jun, namun tidak menyatakan jumlahnya. - ©BERNAMA

## 40 cedera, kebakaran kompleks perniagaan di utara Iran

**TEHRAN, 23 Julai.** - Sekurang-kurangnya 40 orang cedera selepas sebuah kompleks perniagaan di bandar pelabuhan utara Iran, Bandar-e Anzali terbakar pada Selasa, lapor Xinhua memetik agensi berita IRIB.

Daripada jumlah itu, lima mangsa dibawa ke hospital, manakala selebihnya menerima rawatan awal di lokasi kejadian dan dibenarkan pulang, menurut Ketua Perkhidmatan Kecemasan Wilayah Gilan, Jamshid Mohammadi.

Beliau memaklumkan bahawa 12 daripada mangsa yang cedera adalah anggota bomba yang mengalami keracunan gas semasa berusaha memadamkan kebakaran, namun mereka telah diberikan rawatan di tempat kejadian.

Menurut jurucakap Zon Bebas Anzali, Mehdi Kazemian yang dipetik agensi berita rasmi IRNA, kebakaran berlaku di gudang Kompleks Venus sekitar 9.45 pagi waktu tempatan (0615 GMT).

IRNA melaporkan bahawa 90 peratus tingkat dua kompleks yang meliputi kawasan seluas dua hektar musnah dalam kebakaran itu.

Kebakaran dipercayai berpunca daripada gangguan bekalan elektrik. Tiada kematian dilaporkan setakat ini. - ©BERNAMA

## Presiden Rwanda pecat Perdana Menteri

**KIGALI (Rwanda), 24 Julai.** - Presiden Rwanda, Paul Kagame pada Rabu memecat Perdana Menteri, Edouard Ngirente dan melantik seorang tokoh perbankan sebagai penggantinya, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Ngirente, yang memegang jawatan itu sejak 2017 digantikan oleh Justin Nsengiyumva, menurut Pejabat Jurucakap Kerajaan Rwanda.

Nsengiyumva sebelum ini berkhidmat sebagai Naib Gabenor Bank Negara Rwanda

sehingga Rabu.

Beliau berikrar untuk berkhidmat kepada Rwanda dengan rendah hati dan dedikasi.

Pelantikan Perdana Menteri baharu itu membuka laluan kepada pembentukan Kabinet baharu, menurut Perlembagaan Rwanda.

Anggota Kabinet mesti dilantik oleh Presiden dengan berunding bersama Perdana Menteri baharu dalam tempoh 15 hari.

Nsengiyumva memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang ekonomi dari University of

Leicester, Ijazah Sarjana Dalam Dasar dan Pengurusan Ekonomi dari University of Nairobi, serta Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari Catholic University of Eastern Africa.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan serta Kementerian Perdagangan Dan Perindustrian.

Beliau juga pernah berkhidmat dengan kerajaan United Kingdom sebagai penasihat kanan ekonomi di Pejabat Rel dan Jalan Raya. - ©BERNAMA

## AS, Filipina meterai perjanjian perdagangan baharu

**ISTANBUL, 23 Julai.** - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump mengumumkan satu perjanjian perdagangan baharu dengan Filipina susulan pertemuannya dengan Presiden Ferdinand Marcos di Rumah Putih pada Selasa, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Ia merupakan satu lawatan yang indah dan kami memeterai Perjanjian Perdagangan, dengan

Filipina akan membuka pasaran kepada Amerika Syarikat dengan tarif SIFAR. Filipina akan membayar tarif sebanyak 19 peratus," kata Trump menerusi platform Truth Social.

Terdahulu, AS mengumumkan akan mengenakan tarif sebanyak 20 peratus ke atas eksport dari Filipina yang dijadual berkuat kuasa pada 1 Ogos. Trump turut memaklumkan bahawa kedua-dua

negara bersetuju untuk meneruskan kerjasama ketenteraan.

Filipina, sekutu tentera AS yang telah lama wujud di rantau Asia-Pasifik, menjadi tuan rumah kepada tentera Amerika dan menyediakan akses ke pangkalan tenteranya. Kedua-dua negara mengekalkan perjanjian pertahanan bersama sejak 1951. - ©BERNAMA

## Sudan lapor 1,307 kes kolera dalam seminggu

**KHARTOUM, Sudan, 23 Julai.** - Sudan melaporkan sebanyak 1,307 kes baharu kolera, termasuk 18 kematian dalam tempoh seminggu lalu, menurut Kementerian Kesihatan pada Selasa, lapor Xinhua.

"Antara 12 hingga 18 Julai, sebanyak 1,307 kes kolera direkodkan termasuk 18 kematian membabitkan 35 daerah di 12 negeri," menurut kenyataan kementerian itu.

Tawila di negeri Darfur Utara mencatat jumlah jangkitan tertinggi dengan 519 kes, manakala Bileil di Darfur Selatan

mencatat jumlah kematian tertinggi.

Sejak Julai 2024, jumlah keseluruhan kes kolera di seluruh Sudan meningkat kepada 91,034 kes, termasuk 2,302 kematian di 116 daerah merentasi 17 negeri.

Pejabat Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (OCHA) baru-baru ini memberi amaran bahawa krisis kemanusiaan di Sudan semakin meruncing susulan wabak kolera yang membawa maut, banjir serta kepulangan beramai-ramai penduduk ke

kawasan yang kekurangan kemudahan asas.

Sudan kini dilanda wabak yang merangkumi pelbagai penyakit berkaitan musim tengkujuh, termasuk malaria, kolera dan demam denggi.

Negara itu juga masih bergolok akibat konflik antara Angkatan Tentera Sudan dan pasukan separa tentera Rapid Support Forces yang meletus sejak April 2023. Pertempuran berterusan itu meragut puluhan ribu nyawa dan menyebabkan jutaan penduduk kehilangan tempat tinggal. - ©BERNAMA



## DPMM FC TEWASKAN DASH FA 2-0



ANTARA aksi perlawanan antara DPMM FC dan Dash FA yang diadakan di Padang FABD B.

Oleh : Mohammad Khairul Hisyam Jaya  
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar

BERAKAS, Jumaat, 25 Julai. - 2-0 ke atas Dash FA dalam perlawanan ke-18, Liga Belia

Brunei Bawah 15 Tahun (Brunei Youth League U-15) musim 2025/2026 yang berlangsung di Padang FABD B, pagi tadi. DPMM FC mendominasi

permainan dan berjaya memperoleh dua jaringan hasil sepakan Muhd. Arif Syahmi, masing-masing pada minit ke-8 dan ke-51.

Tiada sebarang kad dilayangkan oleh pengadil dalam perlawanan ini, menjadikannya satu aksi yang bersih dan tertib dari kedua-dua pasukan.

Dengan kemenangan ini, DPMM FC terus mengukuhkan kedudukan mereka dalam saingan liga, manakala Dash FA perlu bangkit dalam perlawanan yang akan datang untuk mengutip mata berharga.

## Kecederaan pemain utama buat Gergasi FC resah

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Julai. - Gara-gara beberapa pemain utama yang masih dibelenggu kecederaan, Gergasi FC tidak dapat menyembunyikan keresahan menjelang pertemuan dengan Miri FA pada hujung minggu ini.

Menurut Ketua Jurulatih Gergasi FC, Awang Haji Mohd. Rosanan Samak semasa sesi latihan di Padang UBD, Tungku Link, berkata bahawa mereka terpaksa melupakan beberapa

tonggak utama dan akan menggunakan kelibat pemain-pemain di bangku simpanan untuk menggalas cabaran bertemu dengan Miri FA yang memang mantap membariskan majoritinya pemain-pemain yang berpotensi tinggi sepanjang kejohanan bermula.

Pertemuan Gergasi FC dengan Miri FA memang menjadi penantian pada Kejohanan Bola Sepak Liga Jemputan bagi

merebut Piala Lela Cheteria ketika kedua-dua pasukan membuat perhitungan untuk merebut kedudukan terbaik, lebih-lebih lagi Miri FA kini unggul menerajui puncak liga selepas mengekalkan rekod bersih sepanjang lapan perlawanan.

Awang Haji Mohd. Rosanan Samak mengakui pertemuan dengan skuad kental dari Miri FA itu memang menjadi perlawanan penting untuk memacu Gergasi FC meningkatkan kedudukan pada perebutan carta terbaik yang semakin sengit.

"Kita akan berusaha mencari formula terbaik untuk membalas kehampaan pada pasukan pusingan pertama selepas Gergasi FC dihipakan dengan jaringan 0-6. Sekalipun dilihat sukar tetapi pemain tetap mempunyai azam yang tinggi untuk memberi saingan dan membalas kekalahan lalu," ujarnya lagi.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Miri FA, Ismail Lumut berharap anak buahnya akan dapat mengekalkan momentum dengan mengekalkan reputasi terbaik bertemu dengan Gergasi FC.

"Saya mengakui pertemuan dengan Gergasi FC menjadi

medan penting pasukan kami. Pemain perlu fokus dan saya yakin kami akan mampu memberikan keputusan yang terbaik," jelasnya.

Kejohanan merebut Piala Lela Cheteria minggu ini menyaksikan tiga pertemuan menarik termasuk pasukan yang semakin meningkat di mana PKT FT akan menguji Kasuka FC di Kompleks Sukan Tutong, Jumaat ini.

Sementara Gergasi FC bertemu Miri FA di Padang dan Belapan manakala Limbang FA berdepan dengan Supastrikas di Kompleks Sukan Tutong pada Ahad ini.



PARA pemain-pemain Gergasi FC semasa sesi latihan di Padang UBD, Tungku Link.

## Tahukah Awda

**A**L-MARHUM Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam diisytiharkan sebagai Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman, sempena Sambutan Hari Adat Istiadat pada Isnin, 29 Rabiulawal 1435 Hijrah bersamaan 31 Mac 2014 Masihi. Pengisytiharan Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman itu telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada Majlis Istiadat Pemasyhuran Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman Bersempena Hari Adat Istiadat 2014 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

SUMBER : Pelita Brunei 2014

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

MUDAH-MUDAHAN KITA MENJADI INSAN YANG BEROLEH KEJAYAAN DAN KESELAMATAN DI DUNIA DAN DI AKHIRAT